


Jilid III
Bil. 32

Hari Selasa
1hb November, 1977



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3517]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 [Ruangan 3551]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978 [Ruangan 3551]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.,
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATO' HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SERI DR. NEO YEE PAN (Muar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J. S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, D.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 1hb November, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PELABURAN SWASTA

1. **Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin** minta Perdana Menteri menyatakannya adakah benar bahawa peringkat tanaman modal di kalangan swasta yang sebenar adalah jauh lebih rendah daripada angka yang diberi dalam Rancangan Malaysia Ketiga, jika ya, tidak mungkinkah Kerajaan menimbang untuk menambahkan lagi "allowance" pelaburan bagi menggalakkan pelaburan-pelaburan swasta dan projek-projek perusahaan yang sudah dijalankan dan yang sedia ada. Umpamanya tambahan 100% 'initial allowance' selain dari 'allowance' tahunan yang biasa untuk menggalakkan pelaburan ekonomi sebenar dalam erti keupayaan pengeluaran baru bagi membentuk peluang-peluang pekerjaan — yang tentu telah menjadi keutamaan sekarang — dan bukannya tambahan revenue.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, anggaran pertumbuhan pelaburan swasta adalah kurang sedikit daripada apa yang dijangkakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sebagaimana di negara-negara lain termasuk negara-negara yang sedang membangun,

sektor swasta tumbuh dengan perlahan dan keadaan seperti ini juga berlaku di Malaysia.

Kerajaan sememangnya mengambil berat terhadap keadaan pelaburan swasta yang rendah sekarang ini kerana sektor swasta telah diberi peranan yang sangat penting di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan itu Kerajaan akan memastikan bahawa dasar ekonomi, kewangan dan percukaian ditujukan untuk pertumbuhan pelaburan swasta yang lebih tinggi lagi. Saya suka menyakinkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan galakan-galakan pelaburan yang boleh menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan. Berhubung dengan perkara ini Yang Berhormat tentu masih ingat di dalam Ucapan Belanjawan Tahun 1978 Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi kepada semua industri-industri elaun susutan dipercepatkan sebanyak 80% untuk perbelanjaan modal ke atas mesin dan jentera yang dibuat dalam masa 2 tahun ke hadapan, sebagai menggantikan elaun tahunan biasa. Elaun permulaan sebanyak 20 peratus bagaimanapun tidak berubah. Ini bermakna bahawa 100 peratus atau kesemua jumlah kos modal dibenar untuk disusutkan bagi maksud cukai dalam satu tahun. Saya percaya ini adalah menepati kehendak Ahli Yang Berhormat itu dan saya harap sektor swasta akan mengambil peluang ini untuk menggantikan mesin-mesin yang lama dan mempermoden serta menambah keupayaan pengeluaran mereka.

LEBUHRAYA TIMUR/BARAT

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya

dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah benar bahawa kelambatan/kelewatan menyiapkan projek lebuhraya Timur Barat itu disebabkan berlakunya penyelewengan dari pekerja-pekerja. Jika benar, apakah tindakan yang telah diambil untuk melaksanakan projek tersebut berjalan dengan lancar dan teratur sebagaimana yang dijangka pada mulanya. Bilakah projek lebuhraya Timur Barat itu akan siap dengan memberikan tarikh yang tetap.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini tidak ada bukti adanya penyelewengan dari pekerja-pekerja di projek lebuhraya Timur Barat seperti yang dimaksudkan. Projek ini dijangka siap pada tahun 1980.

PENCEN KEPADA PESARA

3. Tuan Haji Ja'afar bin Hamzah minta Perdana Menteri menyatakan:—

- (a) jumlah pencen yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada pesara-pesara semenjak tahun 1970 hingga sekarang ini; dan
- (b) berapa jumlah pesara-pesara yang masih menerima pencen tetapi telah balik ke negara asalnya selain daripada Negara Malaysia ini yang dibayar di dalam negara itu dan jumlah orang pesara yang terlibat dan yang telah meninggal dunia di dalam negara yang berkenaan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pencen yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada pesara-pesara semenjak tahun 1970 hingga 30hb September, 1977 ialah \$1,136,573, 228.80 (seribu seratus tiga puluh enam juta, lima ratus tujuh puluh tiga ribu, dua ratus dua puluh lapan ringgit dan lapan puluh sen).

- (b) Jumlah pesara-pesara yang masih menerima pencen di negara asal mereka selain daripada Negara Malaysia ialah 7,566 orang. Jumlah tersebut tidak termasuk seramai 1,353 orang pesara yang telah meninggal dunia di negeri-negeri berkenaan.

HUJAN TIRUAN (CLOUD-SEEDING)

4. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bahawa memandangkan kedudukan kemarau begitu buruk dialami oleh penduduk-penduduk negeri ini, samada Kerajaan akan menimbangkan:—

- (a) membuat hujan tiruan (cloud-seeding) dalam musim kemarau, samada di sawah padi ataupun di tempat penyimpanan air (dam) seperti yang terbukti berjaya dilakukan di Perairan Muda, Kedah; dan
- (b) memandangkan penduduk Bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya mengalami catuan air yang begitu teruk baru-baru ini dan ini melibatkan tergendalanya perjalanan industri, samada bantuan bekalan air dari Sungai Langat, Sungai Tua dan Klang Gate dapat disatukan sebagai satu saluran bekalan air yang dengan mudah dapat membekalkan air dengan tidak terputus. Jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Operasi cloud-seeding di negara ini masih lagi di peringkat kajian dan daripada pengalaman hanya akan berjaya sekiranya kawasan yang memerlukan hujan adalah luas dan awan membawa hujan didapati. Kerajaan hanya akan menimbangkan operasi tersebut sekiranya didapati praktikal dan amat diperlukan.

- (b) Adalah tidak praktikal dan ekonomik untuk menyatukan bekalan dari beberapa kawasan ke satu saluran sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiap-tiap punca bekalan didapati di kawasan-kawasan yang berlainan dan setiap bekalan mempunyai ciri-cirinya yang sendiri dari segi paras, pengaliran dan tekanan. Adalah didapati tidak perlu juga untuk berbuat sedemikian oleh kerana dengan mengalirkan air melalui lebih dari satu saluran ada kemungkinan untuk mengalirkan air dari sesuatu kawasan ke kawasan yang lain apabila air diperlukan dan tambahan saluran dapat juga dibuat apabila permintaan bekalan air bertambah di masa hadapan.

PINJAMAN DARI KAKITANGAN PARLIMEN

5. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah permohonan-permohonan oleh kakitangan Jabatan Parlimen untuk mendapatkan pinjaman perumahan, motokar dan motosikal sekarang ditolak oleh Perbendaharaan tanpa sebarang alasan diberi kerana menolak dan nyatakan bilakah kelulusan boleh diberi kepada pinjaman-pinjaman ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, semua permohonan dari kakitangan Jabatan Parlimen untuk mendapatkan pinjaman perumahan dan kenderaan, iaitu termasuklah kereta dan motosikal, adalah sepanjang masa diberi layanan oleh Perbendaharaan seperti mana jua permohonan dari lain-lain Jabatan dan Perbendaharaan sentiasa menimbangkan permohonan-permohonan pinjaman dari kakitangan Jabatan Parlimen dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan-permohonan yang memenuhi syarat-syarat pinjaman adalah diberi kelulus-

an; tetapi ada juga Perbendaharaan menerima permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditentukan tadi dan ini terpaksa ditolak oleh Perbendaharaan.

MURID SEKOLAH RENDAH TIDAK TAHU MEMBACA

6. Tuan Tan Cheng Bee (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Pelajaran menyatakan:—

- (a) samada beliau sedar bahawa setengah-setengah murid sekolah rendah masih tidak tahu membaca atau menulis apabila mereka sampai ke Tingkatan Satu; dan
- (b) jika ya, adakah beliau mempunyai sebarang rancangan untuk mengulangkaji sistem pelajaran rendah dan menengah yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun):

- (a) Kementerian Pelajaran sedar tentang keadaan itu.
- (b) Kementerian Pelajaran, di mana boleh, cuba mengimbuhi keadaan begini, walau bagaimanapun, untuk menjalankan pengimbuhan besar-besaran, Kementerian Pelajaran masih menunggu hasil dapatan beberapa kajian yang sedang dijalankan terutamanya dalam bidang bacaan.

PINJAMAN JEPUN OLEH TAKEO FUKUDA

7. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah janji-janji yang sebenarnya telah dibuat oleh Tuan Takeo Fukuda untuk membantu Malaysia dari segi ekonomi semasa Perdana Menteri itu melawat Malaysia baru-baru ini; atas asas apakah janji-janji ini telah dibuat dan bagaimanakah ini akan memberi munafaat kepada Malaysia.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, semasa Perdana Menteri Jepun, Tuan Takeo Fukuda melawat Malaysia pada awal Ogos 1977, beliau telah berjanji untuk memberi pinjaman sebanyak ¥21,000 juta (\$200 juta) kepada Malaysia bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Beliau telah juga bersetuju untuk memberi bantuan teknik dalam menjalankan kajian kemungkinan (feasibility study) mengenai projek-projek Kawat Bawah Laut (Sub-marine Cable) Kuantan-Kuching.

Janji-janji yang diberikan oleh Perdana Menteri Jepun itu adalah berasaskan kepada dasar kerajaan Jepun untuk meningkatkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama dengan Malaysia.

Pinjaman Jepun itu memberi munafaat kepada Malaysia kerana pertama kadar pinjaman yang dikenakan adalah rendah iaitu 4% dan kedua, tempoh pembayaran balik pinjaman itu pula adalah agak lama iaitu 20 tahun, termasuk 7 tahun pertama sebagai "grace period". Oleh yang demikian, pinjaman itu adalah sesuai untuk membiayai projek-projek yang bertujuan membasmi kemiskinan, dan projek-projek infrastruktur yang memerlukan modal yang besar tetapi mengambil masa yang panjang sebelum mendapatkan faedahnya.

Saya suka juga memberi makluman di sini berkenaan dengan projek-projek yang telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Jepun di bawah kredit yang keempat iaitu perjanjian Perdana Menteri Fukuda semasa di Kuala Lumpur iaitu ¥21,000 juta. Projek-projek di antaranya ialah:

1. Stesyen Janakuasa Pasir Gudang.
2. Projek Letrik Haidro Tenom Pangi, Sabah.
3. Pelabuhan Bintulu, Sarawak.
4. Lebuhraya Kuala Krai — Gua Musang.
5. Projek Letrik Haidro Trengganu.

6. Gas Turbine satu-satunya dengan kuasa 25 megawat, bagi Semenanjung Malaysia.
7. Pembelian "rolling stock" bagi Keretapi Tanah Melayu.

Projek-projek bagi Kredit Yen Kelima (¥21,000 juta) yang disetujui sewaktu lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Jepun pada bulan September 1977.

1. Talian penghantaran dan stesyen kecil Chenderiang — Rawang (LLN).
2. Talian penghantaran dan stesyen kecil Kuala Lumpur Utara — Kampong Awah, Pahang (LLN).
3. "Intra-Malaysia Submarine Cable" Kuantan — Kuching.
4. Projek Letrik Haidro Kenering, Perak.
5. Projek Letrik Haidro Bersia, Perak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perjanjian spesifik memberi pinjaman \$200 juta itu, Perdana Menteri Jepun telah juga bersetuju untuk menggalakkan dengan lebih lagi penjualan barang-barang keluaran Malaysia di Negeri Jepun. Beliau berjanji akan menimbangkan untuk memberi pelonggaran (liberalise) kepada barang-barang eksport Malaysia ke Negeri Jepun di dalam konteks "Multilateral Trade Negotiations" dan "the Japanese Generalised System of Preferences". Semuanya ini akan memberi munafaat kepada perdagangan Malaysia dengan Jepun terutamanya Malaysia akan dapat mengeksport barang-barangnya dengan lebih banyak ke Negeri Jepun dengan berkurangnya sekatan-sekatan tariff.

PELABURAN SWASTA

8. Tuan Loh Fook Yen minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa pelaburan swasta, khasnya pelaburan tempatan, adalah mengecewakan, dan jika ya, apa tindakan-tindakan konkrit telah diambil dan akan diambil supaya menggalakkan pelaburan swasta.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pelaburan swasta dalam sektor perkilangan semenjak pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga adalah tidak mencapai ke paras yang diharapkan. Memandangkan kepada kedudukan ini Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah bergiat menganjurkan pelaburan di dalam sektor perkilangan. Antara langkah-langkah yang telah diambil dan akan terus dipergiatkan ialah:—

- (a) melancarkan aktiviti-aktiviti menganjurkan pelaburan di negara-negara asing yang mengeksplotkan modal dan teknologi dan di dalam negara kita sendiri untuk menggesa bakal-bakal pelabur supaya melabur dan melaburkan kembali keuntungan mereka dalam sektor perindustrian di negara ini.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jepun dan Amerika Syarikat baharu-baharu ini di samping lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat berjumpa dengan pelabur-pelabur adalah selaras dengan usaha-usaha menarik pelabur asing.

- (b) memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur di dalam negara ini untuk memudahkan lagi penubuhan projek-projek perindustrian.
- (c) Mengkaji semula galakan-galakan pelaburan supaya menjadi lebih menarik kepada pelabur-pelabur swasta;
- (d) mengadakan sistem meluluskan permohonan bagi mengusahakan projek perkilangan dan melaksanakan projek itu secara serentak dan segera dengan memperlicinkan aturan-aturan pelaksanaan jentera Kerajaan.
- (e) mencetak dan menyebarkan buku-buku penerangan dan lain-lain butir maklumat mengenai kemungkinan-kemungkinan pelaburan di Malaysia.
- (f) mengadakan kajian-kajian projek yang boleh memberi bantuan kepada pe-

labur-pelabur di dalam negeri memilih projek-projek yang boleh menguntungkan mereka; dan

- (g) mengarah pusat-pusat pelaburan Malaysia di negara-negara asing dan pejabat-pejabat Wilayah Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) supaya menambahkan kegiatan menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur dari luar dan dalam negara supaya turut serta dalam kegiatan-kegiatan perkilangan di negara ini.

PERJUMPAAN KETUA-KETUA NEGARA ASEAN

9. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada rakyat negara ini benar-benar faham terhadap sikap negara kita di dalam ASEAN dan dapatkah Kementerian beliau memberikan penerangan melalui Kementerian Penerangan supaya setiap rakyat terutama yang tinggal di luar bandar dapat mengetahui serta memahami apakah yang berlaku dalam perjumpaan Ketua-ketua Negara-negara ASEAN pada bulan Ogos yang lalu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, adalah dipercayai bahawa pada keseluruhannya rakyat di negara ini memahami terhadap sikap negara kita di dalam ASEAN. Untuk benar-benar mengetahui dengan lebih mendalam lagi mengenai perkara ini, terpujanglah kepada setiap individu berkenaan mengikut perkembangan berkaitan ASEAN melalui berbagai sumber sebaran am di negara ini. Berhubung dengan perjumpaan Ketua-ketua Negara-negara ASEAN yang berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Ogos yang lalu, sebagaimana biasa, perkara ini telah dilaporkan dengan luas dan dengan beberapa cara oleh sebaran am Kerajaan serta akhbar-akhbar tempatan. Ini telah dilakukan sebelum, semasa dan selepas Perjumpaan tersebut. Walau bagaimanapun, sebagaimana biasa, penerangan berkenaan dengan sikap

negara kita di dalam ASEAN dan perhubungan kita dengan lain-lain negara akan diteruskan dan disebar untuk makluman kepada rakyat melalui Kementerian Penerangan dan lain-lain ajensi.

BAS MINI LALUAN 29 — PERKHIDMATAN

10. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan mengapakah perkhidmatan bas mini No. 29 route Bangkok Bank — Ulu Klang melalui Setapak ditamatkan sedangkan penduduk di kawasan-kawasan perumahan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Taman Melawati dan penuntut-penuntut di Tunku Abdul Rahman College bertambah.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bas mini laluan 29 dari Ampang ke Ayer Panas ataupun dari Kuala Lumpur ke Ulu Kelang telah diberhentikan baharu-baharu ini oleh sebab-sebab berikut:

- (1) Mengikut kajian yang dijalankan ke atas laluan tersebut pada pertengahan tahun ini menunjukkan bahawa dalam masa 16 jam daripada jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam terdapat 267 trip antara Ampang ke Kuala Lumpur dan hanya tiga trip sahaja antara Kuala Lumpur/Ayer Panas. Ini menunjukkan bahawa permintaan orang ramai di tempat itu adalah rendah.
- (2) Mengikut kajian juga didapati bahawa hampir semua bas-bas mini yang sepatutnya menjalankan perkhidmatan dari Ampang ke Ayer Panas telah tidak menghabiskan haluan tersebut. Bas-bas tersebut telah berpatah balik apabila sampai ke pusat bandar daripada Ampang. Keadaan trip cutting ini adalah mengelirukan dan merumitkan penumpang-penumpang yang membuat bayaran untuk pergi ke Ayer

Panas daripada Ampang. Untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan di samping memenuhi kepentingan ekonomi pengusaha-pengusaha bas mini, Kementerian ini telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan dari pusat bandar ke Ayer Panas. Dengan pemberhentian perkhidmatan bas mini dari Ayer Panas ke Kuala Lumpur ini orang ramai bolehlah menggunakan perkhidmatan bas biasa yang ada menjalankan perkhidmatan di situ.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan sentiasa mengawasi kedudukan ini dan jika permintaan orang ramai di masa hadapan bertambah maka bas mini akan diarahkan berkhidmat di situ.

KONVENSI ILO

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada benar atau tidak Gabungan Antarabangsa Pekerja-pekerja Dalam Perusahaan Logam yang berpusat di Geneva yang mempunyai 13 juta ahli di 65 buah negara telah mengadu secara rasmi kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) terhadap Kerajaan Malaysia kerana melanggar "semangat dan ayat" Perkara 2 dan 3 Konvensi ILO nombor 87 berkenaan kebebasan persatuan dan hak pekerja-pekerja untuk menubuh dan menyertai kesatuan-kesatuan sekerja pilihan mereka; dan
- (b) langkah-langkah yang Kementerian beliau telah ambil untuk menghentikan Pelanggaran Perkara 2 dan 3 Konvensi ILO nombor 87 itu.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, memang benar aduan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu

telah disampaikan ke Kementerian saya oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan pandangan-pandangan Kementerian ini telah juga dihantar ke Badan Antarabangsa tersebut.

Kerajaan Malaysia masih belum dan tidak dapat mengesahkan (ratified) Konvensi ILO nombor 87 itu dan kerana itu soal pelanggaran peruntukan Konvensi itu tidak timbul sama sekali.

Kesatuan Sekerja di negara ini ditubuhkan dan didaftarkan mengikut perusahaan dan pekerjaan dan pekerja-pekerja di negara ini adalah bebas memasuki mana-mana kesatuan-kesatuan sekerja yang mewakili perusahaan atau pekerjaan mereka itu.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara yang serupa telah dijawab dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat di Dewan ini pada 24.10.77 yang lepas ketika membahaskan satu usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri menganggap bahawa sungguhpun negara kita belum mengesahkan Konvensi ILO No. 87 negara kita bertanggungjawab daripada segi moral untuk mematuhi fasal-fasal dan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Konvensi ILO itu untuk menunjukkan bahawa kita menerima semua standard-standard yang ditetapkan oleh ILO di mana kita ada diwakili.

Datuk Lee San Choon: Atas kepentingan negara, Kerajaan telah mengambil keputusan iaitu Konvensi tersebut tidak dapat kita sahkan.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perbahasan yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri di mana Yang Berhormat Timbalan

Menteri ada menerangkan mengenai kedua-dua Konvensi ILO ini di mana beliau ada berkata bahawa bukan sahaja Kerajaan tetapi pihak MTUC dan pihak majikan telah bersetuju bahawa belumlah sampai masanya untuk negara Malaysia mengiktirafkan ILO Konvensi No. 87. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan adakah benar MTUC bersetuju ILO Konvensi No. 87 tidak perlu diiktirafkan.

Datuk Lee San Choon: Saya cuma dapat menjawab bagi pihak Kerajaan iaitu atas kepentingan negara, kami belum sedia lagi mengiktiraf Konvensi No. 87.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan sahaja pihak Kerajaan tetapi apa yang diberitahu kepada Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pihak MTUC bersetuju ILO Konvensi No. 87 tidak payah diiktirafkan, ratify, dan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ini tidak benar oleh kerana baharu-baharu ini saya ada berhubung dengan Setiausaha Agong MTUC, Encik Yahya, dan beliau menafikan bahawa MTUC bersetuju; sebenarnya MTUC telah mendesak Kerajaan supaya mengiktiraf Konvensi ILO. Mengapa Kerajaan tidak mengambil ingatan pandangan MTUC ini sebelum keputusan untuk iktirafkan atau mematuhi Konvensi, ILO dibuat?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini terkeluar daripada pertanyaan yang asal, ini telah dirundingkan dengan panjang lebar dua tiga hari yang lepas.

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL

12. **Tuan Ariffin bin Haji Daud** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:—

- (a) apakah perkembangan berkaitan dengan Perbadanan Filem Nasional dan samada Kerajaan melalui Perbadanan ini dan Perbadanan Ekonomi

Kewangan Negeri dan juga UDA bercadang mendirikan pawagam-pawagam di pekan bandar di negeri ini memandangkan kesulitan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha filem Bumiputra menayang filem mereka oleh sebab kecurangan dan kekecohan tuanpunya-tuanpunya pawagam filem-filem yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha filem Bumiputra; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang supaya pawagam-pawagam di negara ini dikehendaki menayang gambar-gambar keluaran tempatan sekurang-kurangnya dua hari seminggu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat),
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini Perbadanan Kemajuan Filem Nasional sedang di dalam peringkat akhir penubuhannya dan satu rang undang-undang mengenainya dijangka akan dibentangkan di dalam persidangan Dewan yang sedang berjalan sekarang. Berhubung dengan penubuhan rangkaian panggung-panggung baru seluruh negara untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh pengedar-pengedar dan pengeluar-pengeluar filem Bumiputra, Perbadanan ini apabila ditubuhkan nanti akan mengambil peranan yang aktif bersama-sama dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Badan Berkanun Kerajaan ataupun golongan-golongan Bumiputra yang ingin mendirikan panggung-panggung wayang tersebut.
- (b) Pada masa ini adalah masih terlalu awal untuk menyatakan samada Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang untuk memastikan panggung-panggung di negara ini menayangkan gambar-gambar keluaran tempatan

sekurang-kurangnya dua hari seminggu. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengakui bahawa amalan penayangan filem yang dijalankan sekarang ini adalah kurang memuaskan dari segi memberi peluang kepada pengeluar-pengeluar filem tempatan. Oleh hal yang demikian Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional akan berusaha untuk memperbaiki keadaan ini agar semua kepentingan pihak-pihak yang berkenaan yang terlibat dapat dilindungi.

KERETA VOLVO UNTUK ANGKATAN TENTERA

13. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapakah Kerajaan memilih kereta-kereta jenis Volvo yang susah hendak mendapat alat ganti untuk kegunaan kenderaan dalam khidmat Angkatan Tentera Malaysia dan adakah beliau sedar bahawa penggunaan kereta jenis Volvo ini telah mengakibatkan banyak wang yang berlebihan dibelanja, masa banyak terbuang kerana mencari alat-alat ganti dan ini mendatangkan kemunduran dalam gerakan tentera sekarang ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memilih kenderaan-kenderaan jenis Volvo untuk kegunaan Angkatan Tentera kerana beberapa sebab termasuklah:

- (a) Menghapuskan monopoli yang diamalkan oleh pembekal-pembekal kenderaan lain.
- (b) Penyamaan alat-alat ganti (interchangeability of spare parts).

Pada masa-masa yang lalu beberapa buah syarikat yang membekalkan kenderaan kepada Angkatan Tentera kita telah mengamalkan sikap monopoli bagi pembekalan kenderaan dan alat-alat gantinya. Ini, bukan sahaja telah menimbulkan masaalah mendapatkan bekalan alat-alat ganti malah telah melibatkan

perbelanjaan yang banyak. Dengan pembelian kenderaan jenis Volvo, maka Kerajaan telah dapat memecahkan monopoli syarikat-syarikat berkenaan.

Kenderaan-kenderaan jenis Volvo yang telah dibeli ialah jenis 3 tan, 2 tan dan $\frac{3}{4}$ tan. Keistimewaan kenderaan jenis ini ialah alat-alat ganti bagi ketiga-tiga jenis ini kebanyakannya boleh digunakan antara satu sama lain. Sedangkan kenderaan jenis lain alat-alat gantinya khas untuk satu-satu jenis sahaja. Dari segi perbelanjaan kita dapat menjimatkan wang Kerajaan dan Angkatan Tentera Malaysia tidak perlu pula menyimpan banyak alat-alat ganti untuk menyelenggarakan kenderaan-kenderaan ini.

Saya sedar adanya beberapa masaalah yang masih dihadapi dalam penyelenggaraan bekalan alat-alat ganti untuk kereta jenis Volvo dan langkah-langkah sedang diambil untuk mengatasinya. Kementerian Pertahanan telah mengikat satu kontrak dengan agen tempatannya untuk membekalkan alat-alat ganti ini.

DAKWAH SECARA HALUS

14. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa adanya berbagai-bagai badan dan orang perseorangan di negara ini yang menubuhkan usaha-usaha dakwah dengan secara halus dan teratur semata-mata untuk kepentingan mereka. Jika pihak Kerajaan telah sedar apakah langkah-langkah yang wajar akan dibuat supaya orang-orang Melayu di negara ini tidak terpengaruh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan kegiatan dakwah yang dijalankan oleh badan-badan Islam atau orang-orang perseorangan Muslim yang bertujuan untuk mengembangkan ajaran

Islam yang maha suci dan meningkatkan penghayatan Islam di kalangan umat Islam di negara ini. Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat tentang adanya badan-badan dakwah dan orang-orang perseorangan yang menjalankan usaha-usaha dakwah secara halus dan teratur semata-mata untuk kepentingan mereka, pihak Kerajaan memanglah mengetahuinya. Bagaimanapun sekiranya ada golongan yang menggunakan dakwah untuk kepentingan tertentu yang boleh merosak atau menjejaskan kesucian dakwah, Jabatan-jabatan Ugama Islam yang berkaitan akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya jika terdapat bukti-bukti yang cukup mengenainya. Ahli-ahli Yang Berhormat adalah juga diminta bekerjasama dengan Jabatan Ugama Islam di mana kegiatan tersebut dikatakan ada berlaku.

MAKTAB PERGURUAN GAYA/KENT

15. Tuan A.K. Aliuddin minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah bilangan guru-guru pelatih yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang telah tamat menjalani latihan perguruan di Maktab Gaya, Kota Kinabalu, dan Maktab Kent, Tuaran. Dan berapa ramai di antara mereka yang telah tamat berkhidmat di Negeri itu dan balik ke Semenanjung.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru pelatih yang berasal dari Semenanjung yang telah tamat menjalani latihan Perguruan di Maktab Perguruan Gaya dan Maktab Perguruan Kent adalah seperti berikut:—

Maktab Perguruan Gaya

- | | |
|---|-------|
| (i) Guru-guru dari Semenanjung yang telah tamat menjalani latihan | — 531 |
| (ii) Bilangan yang masih ada dalam Maktab | — 103 |

JUMLAH 634

Maktab Perguruan Kent

Tidak ada selepas 1963. Semua guru pelatih adalah dari Sabah.

Sebelum 1963 jumlah bilangan pelatih dari Semenanjung adalah kurang daripada 10 orang.

Bilangan guru yang telah tamat kontrak dan pulang di Semenanjung Malaysia pada hujung tahun 1966 ialah seramai 64 orang. Pada hujung tahun 1977 pula seramai 66 orang guru dijangka pulang.

Tuan A.K. Aliuddin: Adakah menjadi dasar kepada Kementerian Pelajaran menggalakkan guru-guru yang telah tamat kontrak balik semula ke Semenanjung, di mana masalah kekurangan guru masih berlaku di negeri Sabah? Jika tidak, adakah Kerajaan atau Kementerian akan mewajibkan guru-guru yang mendapat latihan di negeri itu mestilah bertugas di sana sekurang-kurangnya 10 tahun iaitu bagi mengatasi masalah kekurangan guru.

Datuk Chan Siang Sun: Untuk menggalakkan guru-guru berkhidmat di Sabah kita ada rancangan dan ada memberikan insentif supaya mereka boleh menempatkan, jikalau boleh selama-lamanya untuk berkhidmat di Sabah tetapi dari segi perikemanusiaan tidak selama-lamanya boleh ditempatkan di negeri Sabah. Jadi selepas mereka berkhidmat lebih daripada 5 tahun Kementerian sekarang sedang menyusun satu langkah yang mana kita akan mereservekan mereka selaras dengan Sistem Pelajaran Kebangsaan kita supaya mereka akan dijadikan guru Kerajaan. Selepas itu barangkali kita akan tetapkan satu masa mereka mesti diwajibkan berkhidmat di negeri Sabah dan juga Sarawak dan selepas itu jika mereka hendak balik ke Semenanjung mereka boleh minta bertukar balik ke Semenanjung Malaysia. Jadi ini kita akan buat langkah supaya dapatlah mematuhi hasrat atau minat daripada kedua-dua Kerajaan di Malaysia Timur.

HARGA KERETA DIPASANG DI SEMENANJUNG

16. **Tuan Alex Pang Sui Chee** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian:—

- (a) mengapakah harga kereta yang dipasang di Semenanjung sehingga hari ini tidak dapat dikawal apabila dijual di Sabah dan Sarawak; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak membiarkan harga kereta yang dijual di Sabah dan Sarawak (buatan Malaysia) dengan tidak dikawal ini lebih lama lagi.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat):

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Kementerian ini telahpun bersetuju bagi mengawal harga jualan bersih kereta-kereta motor yang dipasang di Semenanjung Malaysia dan dijual di Sabah dan Sarawak. Keputusan ini yang telah dibuat tidak berapa lama dahulu belum lagi dapat dikuatkuasakan oleh kerana Kementerian ini masih menjalankan kerja mengumpulkan maklumat-maklumat seperti kos tambang perkapalan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak. Kerja mengumpulkan maklumat-maklumat tersebut telah memakan masa kerana terdapat kira-kira 87 model kereta penumpang dan 121 model kereta perdagangan yang dipasang di Semenanjung Malaysia. Tambang perkapalan untuk model kereta-kereta ini juga mungkin berbeza-beza sekiranya dihantar ke tempat-tempat yang berasingan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak.

Sebaik-baik sahaja maklumat-maklumat ini diterima dan dikaji, Kementerian ini akan memastikan pengedar-pengedar kereta di Sabah dan Sarawak mempamerkan harga bersih untuk kereta-kereta tersebut untuk makluman para pembeli.

TELOK ANSON — PUSAT WILAYAH KECIL

17. **Tuan Au How Cheong** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan tertentu untuk membangun Telok Anson sebagai suatu pusat wilayah kecil (sub-regional centre) seperti dinyatakan dalam perenggan 645, RMK, memandangkan Telok Anson sedang menghadapi hakisan dan pembangunan bagi kawasan ini adalah sangat dikehendakkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat menerusi Kerajaan Negeri sedang meneliti perakuan-perakuan yang dibuat oleh satu kumpulan pakar perunding berhubung dengan bandar Telok Anson. Penelitian amatlah perlu dibuat dengan cermat kerana kos pembangunan yang terlibat adalah sangat tinggi iaitu lebih kurang \$60 juta bagi option untuk membina satu bandar baru. Option untuk mengadakan satu program lengkap untuk mencegah hakisan akan melibatkan kos yang lebihkurang sama juga. Option-option yang lain pula iaitu perpindahan terhad dan program-program anti-hakisan terhad harus diteliti dengan mendalam lagi kerana kesan-kesannya adalah diragukan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sekarang sedang melaksanakan projek Jalan Pantai Barat yang akan dapat menolong pembangunan Telok Anson. Jumlah kos (bagi bahagian Perak) projek ini ialah \$34 juta. Rekabentuk bagi jalan dari Telok Anson ke Sitiawan telahpun siap dan pembinaan jambatan Sungai Bernam sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, rekabentuk bagi jambatan Sungai Perak dengan Telok Anson (ataupun di lain-lain bahagian) masih belum dibuat lagi kerana menunggu keputusan berhubung dengan tapak yang sesuai untuk jambatan itu.

JURUTERBANG WANITA DALAM TUDM

18. **Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pertahanan menyatakan:—

- (a) bilangan kaum wanita yang menjadi pemandu kapalterbang pejuang dalam TUDM hingga sekarang; dan
- (b) berapa bilangan wanita yang sedang berlatih sebagai pemandu kapal-terbang pejuang dalam TUDM.

Setiausaha Parlimen Kementerian Per-tahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Tentera Udara Di-rajanya Malaysia tidak ada mempunyai juru-terbang pejuang wanita samada di dalam perkhidmatan ataupun yang sedang di dalam latihan.

JAMBATAN DI LABUAYA TUARAN

19. **Tuan Buja bin Gumbilai** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan dapat membina se-buah jambatan di Labuaya Tuaran untuk kemudahan rakyat yang ramai di tempat tersebut; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa Ferry yang disediakan oleh Jabatan Kerja-raya tidak dapat membawa kenderaan-kenderaan dan ferry tersebut selalu di-dapati rosak.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini Kerajaan tidak ada ca-dangan untuk membina sebuah jam-batan di Labuaya Tuaran lebih-lebih lagi apabila sebuah jambatan yang baharu sedang dibina di Ulu Sungai Tuaran dekat dengan bandar Tampaluri.
- (b) Saya sedar dan tindakan-tindakan sedang diambil oleh JKR Sabah untuk memperbaiki perkhidmatan dan juga untuk mengurangkan kerosakan.

SEKIM PINJAMAN BUKU TEKS

20. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa bantuan buku-buku teks yang dikeluarkan adalah mengikut kategori-kategori yang berikut kepada Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan (Tamil):

- (i) *Yang berpendapatan Bantuan diberikan*
- | | |
|------------------------|---|
| \$200/- dan ke bawah | bantuan penuh |
| \$201/- hingga \$300/- | seorang murid akan diberikan subsidi oleh ibubapa |
| \$301/- hingga \$500/- | 2 orang murid akan diberikan subsidi oleh ibubapa |
| \$501/- ke atas | keseluruhannya disubsidi oleh ibubapa |

Tetapi,

- (ii) bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) subsidi yang penuh diberikan oleh Kerajaan untuk murid-murid dari semua kategori pendapatan.

Jika ya, samada beliau akan menimbangkan supaya murid-murid Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) diberikan bantuan penuh seperti sekolah-sekolah Inggeris.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, dasar Kementerian Pelajaran mengenai Sekim Pinjaman Buku Teks adalah seperti berikut:

- (a) Semua murid (100%) di sekolah rendah kebangsaan diberi bantuan;
- (b) Ukuran bagi menentukan kelayakan murid menerima bantuan di sekolah lain ialah:—
- (i) Pendapatan ibubapa
\$200 ke bawah — Semua anak layak menerima;
- (ii) Pendapatan ibubapa
\$201 — \$300 — Semua melainkan seorang anak layak menerima;
- (iii) Pendapatan ibubapa
\$301 — \$500 — Semua melainkan 2 orang anak layak menerima;
- (iv) Pendapatan ibubapa
\$501 ke atas — tidak seorang anakpun layak menerima.

Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa semua murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) diberi bantuan adalah betul kerana semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) telahpun dijadikan sekolah rendah kebangsaan sekarang. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia iaitu tidak lagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris).

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar di tiap-tiap ladang di kawasan luar bandar pendapatan dan gaji kedua ibubapa jika dicampur melebihi \$201 tetapi anak-anak dan keluarganya paling susah. Dengan sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri timbangkan untuk memberi bantuan ini kepada semua anak-anak yang susah itu.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jikalau jumlah pendapatan suami isteri kedua-duanya melebihi \$200 hingga \$300 cuma seorang anak sahaja yang ditanggung oleh keluarganya. Barangkali ini tidak dapat diberikan bebanan yang berat kepada ibubapanya itu. Tetapi walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut apa yang telah digariskan dalam panduan oleh Kementerian Pelajaran, saya ingat tidak banyak yang tidak layak menerima bantuan buku teks. Daripada apa yang saya dapat tahu banyak murid-murid di estet-estet telah mendapat bantuan seumpama ini.

SEKOLAH-SEKOLAH DI ESTET-ESTET

21. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah di dalam estet-estet adalah dalam keadaan yang tidak menyenangkan. Ini adalah disebabkan kekurangan kawasan dan kemudahan-kemudahan senitasi, tetapi tidak ada langkah-langkah untuk membaikinya yang dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga,

dan sekiranya trend ini berterusan, satu sektor di mana penduduk-penduduknya harus bersekolah akan ketinggalan disebabkan kekurangan kemudahan; dengan demikian mereka tidak akan berkemampuan memenuhi persekolahan untuk masa depan mereka.

Jika ya, apakah tindakan-tindakan beliau bercadang hendak ambil bagi mengatasi masaalah yang belum diselesaikan ke atas sekolah-sekolah estet yang tegak sebagai lambang peninggalan Penjajah British.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya sedar bahawa ada sekolah-sekolah di negara kita ini yang masih dalam keadaan yang tidak memuaskan dari segi pendidikan. Ini termasuklah sekolah-sekolah di estet-estet dan juga sekolah-sekolah di daerah-daerah pedalaman yang lain. Adalah kurang tepat sekiranya Yang Berhormat menyatakan bahawa tidak ada sebarang langkah yang diambil untuk membaiki keadaan itu. Sebenarnya Kementerian Pelajaran sedang berusaha cara mana keadaan sekolah di estet-estet dapat diperbaiki. Salah satu langkah ialah mendapatkan tapak baru untuk dimiliki oleh Kerajaan supaya pembangunan dapat diselenggarakan sepenuhnya.

Kementerian juga melaksanakan projek-projek gantian tapak yang sama dan pemberian projek-projek kecil di mana diperlukan. Langkah yang lain ialah dengan mencantumkan sekolah-sekolah yang terlalu kecil dan tidak dapat diberi kemudahan asas supaya menjadi sekolah yang standard yang boleh dilengkapi dengan semua kemudahan-kemudahan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kebanyakan sekolah-sekolah di estet-estet adalah kecil bilangan murid-muridnya. Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa tidak kesemua rancangan-rancangan dapat dijalankan serentak. Mana-mana keadaan yang mendesak akan didahulukan dan yang lainnya akan menanti giliran.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa peruntukan telah diberikan di dalam Rancangan Malaysia Kedua untuk satu dua buah sekolah bukan di Kuala Lumpur sahaja tetapi juga di luar-luar bandar. Walaupun peruntukan ini sudah diterima oleh Pengarah Pelajaran di tiap-tiap negeri tetapi projek-projek belum dijalankan. Apakah sebab dan bolehkah Yang Berhormat Menteri beri keterangan, apakah sebabnya projek-projek ini lewat diimplementasikan.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, bagi pihak Kementerian Pelajaran, kita cuma meluluskan projek itu. Selepas kelulusan projek-projek itu akan dihantar kepada negeri di bawah Pengarah Pelajaran Negeri. Penyelenggaraannya adalah di bawah jagaan JKR jika projek itu besar. Soalan seperti ini, jika sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat tahu, tolong berikan pertolongan supaya memberitahu kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan juga JKR supaya projek-projek itu boleh dapat dipercepatkan. Oleh kerana jikalau peruntukan itu tidak dibelanjakan, barangkali kita akan menarik balik dan memberikan kepada sekolah-sekolah lain yang berkehendakkan peruntukan itu. Saya berharap dapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi peruntukan diberikan oleh tiap-tiap Pengarah Pelajaran di tiap-tiap negeri. Adakah Kementerian beliau siasat walaupun sudah dapat peruntukan masih belum ada projek itu dijalankan. Saya suka beri satu contoh kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Jalan San Peng di Kuala Lumpur. Peruntukan daripada Kerajaan Pusat sudah diterima lebih kurang tujuh atau lapan tahun. Walaupun peruntukan itu sudah diterima, projek-projeknya belum dijalankan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan sahaja siasat tetapi

ambil tindakan yang tegas atas Pengarah Pelajaran.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya hendak jawab tegas juga. (*Ketawa*) Perkara ini saya tahulah (*Ketawa*). Tetapi semenjak kita meluluskan peruntukan untuk Sekolah Jalan San Peng itu dan sebelum sekolah itu melaksanakan projeknya, ada pula satu permintaan lain yang dikatakan sekolahnya itu sempit dan untuk menjamin perkembangan masa depan, mereka berkehendakkan sebuah sekolah yang besar. Kita pun carilah jalan untuk mendapatkan tapak baru. Di dalam Ibu Kota Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua pun tahulah macam mana kita boleh dapat tapak tanah ini. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu. (*Ketawa*)

Datuk Chan Siang Sun: Jadi sudah dicari-cari tetapi sampai masa sekarang pun tidak dapat lagi. Tetapi peruntukannya masih hidup lagi (*Ketawa*). Jikalau sekolah tersebut hendak meneruskan projeknya itu — kalau saya tidak lupa, projeknya ialah untuk tandas baru. Saya berharap jikalau mereka berkehendakkan projek itu dengan segera, saya boleh mengarahkan supaya projek itu dapat dijalankan. Tetapi kalau tunggu sampai dapat tapak baru, barangkali kena ambil masa sedikit.

Tuan Hashim bin Ghazali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah meminta kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat berunding dengan pihak yang berkenaan bagi menjayakan rancangan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran, tetapi dikelolakan oleh JKR. Yang sebenarnya nasihat seperti ini sudahpun dijalankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, tetapi tidak berhasil. Kerana biasanya pihak JKR menjawab mereka tidak cukup kakitangan penye-larasan daripada apa yang diluluskan oleh Kementerian.

Jadi soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya projek pelaksanaan sekolah-sekolah di negara ini yang lewat telah beberapa tahun begitu banyak yang tidak dapat dilaksanakan oleh JKR hendaklah diambil alih pula oleh Kementerian ini dibuat sebuah unit khas di bawah Kementerian ini sendiri sepertimana yang diluluskan dan dapat dilaksanakan dengan segera.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk menubuhkan satu yunit di Kementerian Pelajaran, barangkali sukar sedikit oleh kerana jikalau kita hendak menubuhkan satu yunit kita berkehendakkan tenaga, tenaga itu ialah tenaga mahir. Oleh sebab itu dan oleh kerana JKR pun ada pengalaman yang lama untuk menjalankan projek-projek, jadi saya akan sampaikan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam supaya diambil perhatian, dan kita telah lama ada kerjasama tentulah Yang Berhormat Menteri boleh memberi pertimbangan atas kes ini.

KADAR-KADAR PINJAMAN

22. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kewangan menyatakan samada menurunkan kadar-kadar pinjaman oleh bank-bank, hingga 30hb September tahun ini, adakah:

- (a) sebarang kesan atas mencepatkan pelaburan swasta dan jika ya, sejauhmana; dan
- (b) ada menambahkan inflasi dan jika ya, sejauhmana.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, sesuatu dasar kewangan yang ditetapkan biasanya mengambil masa untuk memberi kesan yang sebenar kepada keadaan ekonomi, dan oleh itu buat masa ini adalah terlalu awal untuk mengetahui dengan tepat lagi mendalam kesan penurunan kadar-kadar pinjaman bank baru-baru ini ke atas pelaburan swasta.

Walau bagaimanapun, maklumat terakhir menunjukkan bahawa aktiviti pelaburan oleh pihak swasta telah mula bertambah dengan cepat. Dalam masa empat (4) bulan selepas kadar faedah diturunkan, iaitu antara bulan Jun hingga September tahun ini, pinjaman dan pendahuluan oleh bank Perdagangan telah bertambah sebanyak \$671.3 juta, berbanding dengan pertambahan sebanyak \$427.5 juta bagi lima (5) bulan pertama tahun ini. Ini menunjukkan bahawa aktiviti perniagaan, termasuk pelaburan swasta, telah mencerminkan sedikit-sebanyak kesan pelonggaran dasar kewangan itu.

Penurunan kadar faedah wang ini tidaklah menambahkan inflasi dan biasanya penukaran kadar faedah tidak memberi kesan yang tepat kepada kadar inflasi. Soal inflasi dan langkah-langkah Kerajaan mengatasi masalah ini telah disebutkan dalam Ucapan Belanjaan saya pada 28hb Oktober, 1977 yang lalu.

SIDANG KEMUNCIAK ASEAN

23. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) jumlah wang yang dibelanjakan semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur pada bulan Ogos yang lalu; dan
- (b) samada wang tersebut dibiayai oleh Malaysia sahaja atau oleh kelima-lima negara ASEAN.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) soalan ini telahpun dijawab semasa menjawab soalan 10 semalam iaitu pada 31.10.1977.
- (b) adalah menjadi kebiasaannya perbelanjaan untuk Persidangan seperti itu dibiayai oleh negara tuan rumah.

HARGA PEMASANGAN KERETA TEMPATAN

24. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa mutu kerja (workmanship) dan harga kereta yang dipasang dari luar negeri adalah lebih baik dan murah dari kereta yang dipasang di kilang-kilang tempatan. Jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil supaya mutu kerja dan harga dapat disamatarafkan dengan yang terdapat dari luar negeri.

Datuk Seri Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat memberi gambaran bahawa mutu dan harga kereta yang dipasang di kilang pemasangan tempatan adalah kurang baik dan terlalu mahal. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian ini, dari segi mutu, perkara ini memang betul pada mula-mula kilang-kilang pemasang kereta tempatan mula memasang kereta-kereta didapati mutu pemasangan atau mutu kerja agak belum begitu baik, tetapi semenjak diperbaiki keadaan itu, maka mutu pemasangan atau mutu kerja yang dibuat telahpun meningkat dan bolehlah dikatakan sekarang ini setanding dengan kereta-kereta yang diimport siap daripada luar negeri. Penyelidikan telah juga menunjukkan bahawa ada beberapa kilang pemasang tempatan yang telah menyesuaikan dan memperbaiki beberapa teknik pemasangan kereta mereka khususnya untuk keadaan dan iklim tempatan.

Berkenaan dengan harga kereta yang dipasang di kilang tempatan, saya sedar bahawa harga kereta-kereta ini tanpa duti jika dibandingkan dengan harga kereta yang diimport siap adalah lebih tinggi sedikit iaitu pada hitung panjang sebanyak 10%. Perbezaan demikian adalah perkara biasa kerana pemasang kereta luar negeri mengeluarkan jumlah kereta yang jauh lebih banyak dari pemasang-pemasang tempatan dan oleh yang

demikian mereka mendapat faedah dari 'Economies of Scale' dan dengan itu dapat mengurangkan kos atau harga pengeluaran kereta-kereta mereka. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perusahaan pemasangan kereta tempatan telah memberi beberapa faedah kepada negara di antaranya ialah peluang pekerjaan, pelaburan dan memperkenalkan kemahiran teknik dari mana dalam jangka masa panjang boleh dijadikan asas kepada industri membina kereta berbanding dengan hanya memasang sahaja untuk negara kita.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dua perkara. Yang pertama, apakah cara perincian yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menilai mutu buatan tempatan kereta-kereta yang dipasang dalam negara kita dibandingkan dengan mutu kereta-kereta yang diimport.

Yang kedua, adakah satu-satu badan yang mempunyai kemahiran yang boleh menentu atau menstabilkan segala keluaran-keluaran tempatan bagi memasang kereta di dalam negara kita.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah pertama itu, perkara ini dilakukan mengikut kajian-kajian yang dibuat daripada semasa ke semasa dan perbandingan-perbandingan juga dilakukan. Pemasang-pemasang kereta tempatan apa yang dapat kita ketahui daripada semasa ke semasa mengemukakan cara-cara yang baru dari segi pemasangan yang mereka lakukan untuk meninggikan lagi mutu pengeluarannya, maka dari segi itu mutu kereta-kereta yang dipasang itu telah dapat dibaiki daripada masa ke semasa dan untuk beberapa pemasangan kita dapati bahawa mutu yang mereka keluaran itu adalah setanding dengan keluaran di luar negeri.

Mengenai soalan yang kedua tadi, kalau dapat disebutkan balik saya pun telah....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Kerajaan hendak membuat satu unit kepakaran untuk membandingkan di antara kereta yang dibuat (assemble) di sini dengan kereta yang diimport. Adakah begitu?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Untuk menjaga mutunya!

Tuan Yang di-Pertua: Untuk menjaga mutunya!

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap keluaran di dalam negara ini ada standard yang dikeluarkan dan masalah ini saya fikir di bawah jagaan SIRIM (Standard Institute of Research Malaysia) dan dari segi pembaikan mutu memang kita tengokkan perkara itu daripada semasa ke semasa.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa semenjak ini mutu telah diperbaiki. Jadi, saya ingin tahu apakah makna "semenjak ini", adakah "semenjak ini" bermakna bulan 11 tahun 1976 ataupun sebelum itu, ataupun selepas itu. Saya ingin bertanya begini kerana saya beli kereta bulan 11 tahun 1976 selepas tiga bulan, getah bumper sudah lekang dan cat sudah berkarat dan kereta sendiri sudah rattle.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun pertama pemasangan kereta tempatan ini berjalan memang terdapat kelemahan sedikit dan pemasangan kereta dalam negara kita ini telahpun wujud lebih 10 tahun. Dengan demikian perkara pembaikan yang telah dibuat itu telah berjalan sejak lama juga. Tetapi kalau hendak sebutkan contoh di mana Yang Berhormat beli kereta kerana lepas 3 bulan terdapat kelemahan, kata orang beli kereta ini macam kita meminang orang juga, kalau dapat saya sebutkan di sini. Adakalanya kita beli kereta kita pakai, kita banyak kereta itu tidak ada pun timbul masalah, tetapi bagi orang lain seperti Ahli Yang Berhormat boleh jadi beli sahaja kereta

tiba-tiba macam-macam datang rosaknya, jadi timbullah di situ masalah. Sebagaimana kalau kita meminang orang juga, ada orang dia meminang, dia berumahtangga berpuluh-puluh tahun tidak ada masalah. Ada orang lain baru juga pinang, berumahtangga, timbul macam-macam masalah. Ini kata orang ikut nasib (*Ketawa*). Apa lagi kalau sesuatu perkara itu dikeluarkan melalui mass production, tentu ada perkara-perkara yang terkena pada pembuatannya, ada yang terdapat kelemahannya. Jadi soal hendak menjamin bahawa tiap-tiap barang yang dibeli oleh para pengguna itu benar-benar dapat memuaskan hati, itu saya rasa susah sedikit hendak dijamin.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa membeli kereta ialah seumpama meminang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa meminang kita tidak pergi melalui SIRIM, pada hal Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa semua kereta-kereta yang dikeluarkan mesti mengikut standard yang tertentu yang ditentukan oleh SIRIM. Saya hendak tahu mengapakah selepas 10 tahun perusahaan ini dijalankan di negara kita, satu tahun kebelakangan inipun masih lagi terdapat kualiti-kualiti kereta yang dijual di pasaran yang tidak memuaskan sungguhpun diluluskan oleh SIRIM.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai standard ini bukan semua standard itu dikenakan atas standard SIRIM. Di mana standard-standard itu belum ada maka kita menggunakan satu standard yang lain pula, tetapi dari segi SIRIM memang usaha akan dibuat untuk menentukan standard-standard yang sesuai bagi keluaran-keluaran tempatan.

Mengenai masalah Yang Berhormat sebutkan tadi, iaitu berbalik kepada masalah asal bahawa Yang Berhormat beli motokar maka tayarnya lekang. Itu kita kena cek pula pada pengeluaran tayar itu, tentu ada kelemahan-

kelemahan pada pengeluaran tayar itu. Tetapi kalau hendak dikatakan bahawa mana-mana kelemahan yang terdapat pada kenderaan itu hendak dikenakan kepada si pemasang kereta, ini tidak adil kerana ada komponen-komponen lain yang dipasangkan kepada kereta-kereta yang dikeluarkan. Tetapi walau macamanapun, masalah kualiti dari segi pengeluaran tempatan ini memang ada dalam perhatian dan tindakan Kementerian ini dan usaha-usaha sentiasa diambil untuk memperbaiki mutu itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 25 adalah diberi di bawah ini).

PERKHIDMATAN MAS B737 KE TAWAU

25. Tuan Alex Pang Sui Chee bertanya kepada Menteri Perhubungan bilakah MAS akan memulakan perkhidmatan Boeing 737-nya ke Tawau dan adakah Kerajaan sedar bahawa jadual perkhidmatan MAS ke Tawau sekarang adalah sangat tidak memuaskan kiranya dibandingkan dengan penumpang-penumpang yang hendak menggunakan perkhidmatan itu dengan perkhidmatan yang diadakan, kiranya sedar, apakah cara MAS untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): MAS memang ada rancangan untuk melancarkan perkhidmatan penerbangan B737 ke Tawau. Tetapi rancangan ini belum boleh dilaksanakan disebabkan landasan kapalterbang di Tawau yang ada sekarang tidak boleh menerima pendaratan B737. Jabatan Kerjaraya Negeri sedang menjalankan satu kajian ke atas had berat penerimaan kapalterbang (load bearing tests) di Lapanganterbang tersebut untuk menentukan kebolehan penggunaan kapalterbang B737.

(Jawapan bagi soalan seperti ini telah diberi pada 26.10.77).

Pada masa ini, MAS menggunakan pesawat F27 untuk perkhidmatan penerbangan ke Tawau sebanyak 3 kali sehari, dan perkhidmatan ini adalah didapati memuaskan. Walau bagaimanapun tertakluk kepada kajian di atas dan jika memuaskan MAS bercadang untuk mengadakan satu perkhidmatan B737 tiap-tiap hari sebagai tambahan kepada dua penerbangan F27 dan ini akan menambahkan ruangan muatan bagi rangkaian Tawau/Kota Kinabalu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1978

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (31hb. Oktober, 1977)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1978

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,643,560,095 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1978 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 tahun

1977, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (31hb. Oktober, 1977)

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyambung ucapan beliau.

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya kata semalam sebelum Dewan ditangguhkan bahawa Budget ini ialah satu Budget Pilihanraya di mana gula-gula diberikan kepada orang-orang yang kaya dan bukan kepada orang yang miskin.

Barang-barang kemewahan seperti beg-beg golf (permainan Menteri-menteri dan orang-orang kaya), kamera, barang-barang buatan kulit termasuk kain-kain dan barang-barang pakaian, dari kulit atau campuran kulit" (tetapi bukan pakaian biasa) telah dikurangkan cukai-cukai impot yang dikenakan ke atas barang-barang tersebut. Sekali lagi bukanlah orang-orang miskin yang akan memperoleh faedah dari pengurangan cukai-cukai ini.

Adalah menjadi satu ejekan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan apabila Kerajaan mempunyai masa dan wang untuk mengurangkan cukai-cukai impot yang dikenakan ke atas barang-barang kemewahan tetapi tidak mempunyai masa dan wang untuk mengurangkan cukai-cukai impot dan eksais yang dikenakan ke atas barang-barang keperluan untuk mana rakyat terpaksa membelanja wang untuk mendapatkan barang-barang keperluan tersebut.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menuntut dalam ucapan Belanjawannya bahawa "kebanyakan barang-barang keperluan tidak dikenakan duti impot". Apa yang menjadi masaalah dengan Menteri Kewangan kita ialah tafsiran "barang-barang keperluan" untuk orang-orang miskin terlalu sempit

sedangkan tafsiran "barang-barang keperluan" untuk orang-orang kaya tidak mempunyai hadnya.

Memandang kepada inflasi yang serius yang berlaku di negara ini di mana harga barang-barang melambung naik, Menteri Kewangan sepatutnya mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan harga barang-barang keperluan dan juga perkhidmatan perlu dengan mengadakan perubahan atau pemanusan cukai-cukai impot dan eksais umpamanya cukai impot untuk barang-barang makanan, pakaian, kos pengangkutan, minyak dan kuasa.

Rakyat Malaysia yang miskin yang mendapat sedikit lebih dari 10% jumlah pendapatan di negara ini membayar lebih dari 10% cukai-cukai yang dikenakan untuk makanan, minuman, tembakau, dan juga untuk sewa, minyak dan kuasa yang merupakan sebahagian besar belanjawan setiap keluarga yang miskin.

Untuk sebab ini, sebarang langkah kewangan yang akan dengan cepatnya menambah sekurang-kurangnya satu peratus kepada pendapatan orang-orang miskin hendaklah diberi perhatian keutamaan.

Pengurangan beberapa ratus ringgit dalam harga berlian dan permata bermakna lebih wang untuk orang-orang kaya untuk hidup dengan lebih mewah tetapi pengurangan sebanyak lima atau sepuluh sen dalam harga barang-barang makanan atau pengurangan sebanyak lima atau sepuluh sen dalam tambang bas ataupun pengurangan sebanyak seringgit atau dua ringgit dalam harga pakaian akan merupakan perbezaan yang besar kepada rakyat miskin.

Satu contohnya, mulai 1hb. Oktober ini, tambang bas dan teksi telah naik sebanyak lima dan sepuluh sen masing-masing bagi batu yang pertama (walaupun dalam beberapa kes tambang bas telah menaik sehingga 10 sen).

Untuk seorang pekerja yang terpaksa menaiki dua bas untuk pergi ke tempat kerjanya, ini akan bermakna beliau terpaksa menanggung perbelanjaan tambahan setiap bulan sebanyak \$5.50 untuk tambang bas sahaja! Katakanlah beliau mempunyai dua orang anak yang pergi ke sekolah dengan bas, perbelanjaan tambahan yang beliau terpaksa menanggung akan melebihi \$10.00. Ini bermakna pemotongan sebanyak 10% dari gaji sebenarnya jika gajinya ialah \$100 sebulan ataupun 5% dari gaji sebenarnya jika gajinya ialah \$200 sebulan. Perbelanjaan tambahan ini ialah untuk pengangkutan sahaja dan kita belum lagi mengambil kira kos barang-barang makanan yang melambung naik dan kos perkhidmatan-perkhidmatan lain. Hasil pada akhirnya ialah kemerosotan taraf hidup mereka yang miskin dan berpendapatan rendah.

Kerajaan dalam perkara ini telah membenarkan dirinya diperasugut oleh operator-operator bas terutamanya pihak Sri Jaya di Kuala Lumpur untuk meluluskan kenaikan tambang bas tanpa mengadakan kajian yang menyeluruh tentang akibat-akibat buruk yang akan didatangkan kepada golongan berpendapatan rendah akibat kenaikan tambang bas. Ini adalah amat nyata kerana Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah pada awalnya berkata bahawa Kementerian tersebut tidak dapat membuat apa-apa perakuan kepada Jumaah Menteri tentang kenaikan tambang bas yang dicadangkan itu selagi syarikat-syarikat bas tidak mengemukakan akaun-akaun mereka kepada Kementerian tersebut. Apakala Kerajaan mengumumkan kebenarannya untuk kenaikan tambang bas, setengah dari syarikat-syarikat bas masih belum lagi mengemukakan akaun-akaun mereka kepada Kementerian tersebut.

Dalam mempertahankan kenaikan tambang bas itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri, (masa itu) telah berkata bahawa tambang bas dibenarkan dinaikkan dengan syarat akan terdapat perkhidmatan

bas yang lebih baik. Sebulan telah lalu selepas tambang bas dinaikkan tetapi tiada terdapat apa-apa kebaikan dalam perkhidmatan bas-bas — sedangkan pengguna-pengguna dan rakyat miskin yang terpaksa menggunakan perkhidmatan bas sebagai cara pengangkutan tunggal mereka dibebankan dengan bil pengangkutan yang telah memotong income sebenar mereka dari 5 hingga 10 peratus. Ini adalah amat tidak patut dan saya menyeru yang Berhormat Menteri Kewangan yang ada di sini supaya menimbang semula dengan seriusnya kesan-kesan buruk kenaikan tambang bas ini akan ada atas taraf hidupan rakyat miskin.

Selain dari mengurangkan cukai-cukai impot ke atas barang-barang kemewahan, Yang Berhormat Menteri mungkin akan dapat membantu rakyat miskin jika bukan dengan mengurangkan kos pengangkutan mereka dengan sekurang-kurangnya memelihara dan menstabilkan perbelanjaan pengangkutan mereka.

Kerajaan boleh berbuat demikian tanpa membebankan rakyat miskin dengan mengurangkan cukai-cukai impot untuk petrol dan minyak untuk bas-bas ataupun dengan mengurangkan cukai jalan untuk bas dan teksi.

Yang Berhormat Menteri sekali lagi telah hilang peluang yang kedua untuk mengubah undang-undang cukai selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membawakan faedah secara langsung kepada rakyat yang miskin, dan mereka yang berpendapatan rendah serta juga mereka yang terdiri dari golongan bawah pendapatan pertengahan.

Umpamanya, semasa membahaskan budget bagi tahun yang lalu, saya menyeru Yang Berhormat Menteri mengkaji balik rebaterebate cukai dengan tujuan benar-benar membantu rakyat yang miskin dengan (1) menghadkan rebaterebate tersebut hanya kepada mereka yang berada dalam golongan berpendapatan rendah yang terperangkap dengan "inci-

dence" cukai pendapatan sekarang; dan (2) melipatgandakan rebaterebate cukai ke \$120 untuk setiap pembayar cukai, \$60 untuk isteri dan rebaterebate untuk anak tanggungannya.

Seruan saya itu tidak diindah. Malah suatu perubahan yang menyeluruh hendaklah dibuat dalam undang-undang cukai dengan beberapa segera yang boleh kerana undang-undang cukai belum lagi diubah sejak ianya digubal dalam tahun 1947. Perubahan dalam undang-undang cukai income tax akan membolehkan undang-undang tersebut sebagai satu alat equiti sosial memandang kepada pengurangan nilai wang 30 tahun dahulu iaitu pada tahun 1947.

Sekurang-kurangnya, elaun pengecualian untuk individu-individu dan isteri-isteri mereka hendaklah dilipatgandakan dan juga satu elaun relief yang baru diadakan untuk menanggung ibubapa selaras dengan tradisi Asia. Saya berharap tidak akan sampai satu hari di mana kesunyian (loneliness) dan rasa tidak gembira (terrible unhappiness) yang biasa dialami oleh ibubapa-ibubapa yang tua yang tinggal di rumah-rumah untuk orang-orang tua di negara-negara barat tidak akan menjadi satu ciri biasa di Malaysia — dan keengganan Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan elaun-elaun "relief" untuk ibubapa-ibubapa yang tinggal dengan pembayar-pembayar cukai bukan sahaja menunjukkan kegagalan untuk menghargai tradisi orang-orang di benua Asia yang menjaga ibubapa-ibubapa mereka tetapi juga menunjukkan sikap acuh tak acuh samada ibubapa-ibubapa Malaysia yang telah meningkat umur mereka mengalami kesunyian dan rasa tidak gembira yang dialami oleh bandingan-bandingan mereka di negara-negara barat seperti di Eropah dan perkara ini sekarang sedang pun berlaku di beberapa masyarakat di Asia.

Adalah juga dikesalkan bahawa Yang Berhormat Menteri telah gagal membolehkan undang-undang cukai kita sebagai satu alat untuk equiti dan pembahagian pendapatan dan peluang sosial yang lebih adil.

Sebagaimana dikatakan oleh saya pada tahun yang lalu, adalah menjadi ironikal dan satu trajedi bagi Malaysia bahawa sungguhpun pada setiap tahun Kerajaan menuntut yang Kerajaan membelanjakan banyak wang untuk pelajaran, ramai pemuda-pemuda Malaysia mengalami kehilangan atau pengurangan peluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi di Malaysia. Jalan yang tinggal untuk mereka ialah untuk pergi ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran mereka seperti di England, Australia, New Zealand.

Selain daripada keluarga-keluarga kaya, penghantaran anak-anak di seberang laut untuk melanjutkan pelajaran membebankan ibubapa-ibubapa yang terpaksa menanggung perbelanjaan pelajaran ini.

Dalam belanjawan ini, Yang Berhormat Menteri telah meluaskan elaun susutan (depreciation allowance) dipercepatkan sebanyak 80% untuk perbelanjaan modal ke atas mesin dan jentera kepada semua perusahaan supaya dapat menggalakkan pelaburan fizikal yang akan menghasilkan pengeluaran yang lebih. Pelajaran adalah pelaburan manusia yang akan menghasilkan pengeluaran kebangsaan yang lebih. Yang Berhormat Menteri telah gagal untuk memberi sebab-sebab mengapa jika sekiranya kapitalis-kapitalis dan pengkilang-pengkilang digalak serta diberi insentif untuk melabur di dalam mesin-mesin dan jentera-jentera, rakyat Malaysia tidak diberi insentif dan bantuan dalam melaburkan modal manusia dan juga melaburkan dalam tenaga rakyat yang berkelayakan dengan menghantarkan anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran lanjut apabila anak-anak mereka tidak dapat tempat di universiti-universiti tempatan.

Saya menyeru Kerajaan untuk membenarkan pengecualian cukai atau rebate pelajaran untuk rakyat Malaysia khasnya mereka yang mendapat pendapatan tahunan sebanyak \$15,000 supaya dapat mereka menampung perbelanjaan pelajaran bagi anak-anak mereka di seberang laut di mana anak-anak

mereka tidak mendapat bantuan kewangan dari Kerajaan.

Dalam pada ini segala langkah yang boleh menambahkan peluang-peluang pelajaran untuk pemuda-pemudi Malaysia untuk melanjutkan pelajaran tinggi di tanahair mereka hendaklah disokong. Akan menjadi amat ideal jika sekiranya institusi-institusi dan universiti-universiti ditubuh dan diselenggarakan menurut peruntukan-peruntukan dan jaminan-jaminan yang terkandung dalam Perlembagaan kita oleh rakyat sendiri yang akan menampung perbelanjaan penuh bagi penyelenggaraan institusi-institusi dan universiti-universiti tersebut — kerana jika ini dibenarkan ini bukan sahaja akan mengurangkan komitmen kewangan Kerajaan tetapi juga akan menyumbang ke arah pembangunan pelajaran kebangsaan dengan menambahkan peluang-peluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi tempatan.

Dalam negara-negara yang “enlightened” orang-orang yang tampil ke hadapan untuk menubuhkan institusi-institusi pelajaran yang akan menyumbang ke arah perluasan peluang-peluang pelajaran untuk anak-anak mereka akan mendapat satu tempat terpuji di masyarakat mereka dan mereka juga akan dipuji oleh Kerajaan yang memerintah ketika itu. Tetapi di Malaysia, nampaknya, terdapat kecenderungan untuk menganggap mereka yang berbuat demikian sebagai “pengacau-pengacau” malah sebagai anti-nasional. Mengapakah ini berlaku? Apakah pelajaran mempunyai tempat yang sangat rendah di negara kita!

Pada masa sekarang terdapat satu permohonan yang dicadangkan untuk menubuhkan sebuah Universiti Merdeka untuk mana Kerajaan telah memberi pendaftaran perniagaan dalam tahun 1969. Saya menyeru pihak Kerajaan untuk memberi sokongan terhadap cadangan Universiti Merdeka ini dan juga menggesa Kerajaan meluluskan penubuhan universiti tersebut supaya dapat memberi peluang-peluang pelajaran tinggi kepada

pemuda-pemuda Malaysia. Rakyat sedang menunggu untuk melihat samada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional khasnya mereka yang terdiri dari MCA akan berucap tentang Universiti Merdeka yang dicadangkan ini atau pun mereka tidak langsung akan menyentuh cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan dahulu oleh saya sungguhpun rakyat yang miskin yang mendapat sedikit lebih dari 10% daripada jumlah pendapatan di negara ini, mereka membayar lebih dari 10% ke atas cukai untuk makanan, minuman, tembakau, sewa, minyak dan kuasa elektrik yang merupakan sebahagian besar belanjawan rumah rakyat miskin.

Kementerian Kewangan hendaklah mengkaji semula cukai-cukai secara tidak langsung (indirect taxation) khasnya cukai-cukai impot, eksais dan lesen-lesen supaya dapat mengurangkan beban rakyat miskin.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah dalam ucapan belanjawannya berkata bahawa Kerajaan telah mencapai kestabilan harga — tetapi beliau mengakui Angka Tunjuk Harga Pengguna telah meningkat lebihkurang 5% untuk tahun 1977. Yang Berhormat Menteri telah menuntut terdapat perkembangan ekonomi dengan kestabilan harga — tetapi pembangunan ekonomi ini adalah berat sebelah di mana orang-orang kaya memperoleh faedah dari pembangunan ekonomi sedangkan rakyat jelata menderita kerana inflasi.

Nasihat Menteri Kewangan bahawa “tanggungjawab menstabilkan harga tidak boleh dan tidak seharusnya dipikul oleh Kerajaan semata-mata” dan seruan beliau supaya persatuan-persatuan pengguna, kesatuan-kesatuan sekerja, suri-suri rumahtangga dan lain-lain pertubuhan sukarela akan bertindak untuk mengawalkan kenaikan harga akan diterima jika sekiranya rekod Kerajaan menunjukkan yang Kerajaan telah menghargai peranan yang dimainkan oleh pengguna-pengguna dalam perang memerang inflasi.

Tetapi Kerajaan telah berkali-kali tidak peduli akan pengguna-pengguna apabila Kerajaan mengumumkan kenaikan harga barang-barang yang melibatkan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan perlu. Satu contoh yang baik ialah kebenaran Kerajaan untuk kenaikan tambang bas dan teksi yang telah dibuat dan diumumkan tanpa perundingan terlebih dahulu dengan badan-badan pengguna. Kebenaran Kerajaan untuk kenaikan barang-barang perlu seperti minyak diesel dan bahan-bahan buatan petrolium dibuat selepas diadakan rundingan-rundingan sulit di antara syarikat-syarikat minyak dan Kementerian-kementerian yang berkenaan — tanpa disertai oleh pengguna-pengguna.

Jika sekiranya Kerajaan benar-benar jujur berkehendakkan satu pergerakan pengguna yang kuat, bebas dan berkesan di negara ini yang akan memainkan satu peranan berkesan dalam mengawal harga-harga yang tidak patut serta juga mengawal bahan-bahan yang kurang mutu, maka Kerajaan hendaklah membiayai pergerakan-pergerakan pengguna gran tahunan supaya membolehkan pergerakan pengguna-pengguna bergerak dengan berkesan dengan mengadakan satu persefahaman yang pergerakan pengguna-pengguna itu akan dibenarkan bergerak dengan bebasnya — malah untuk menyerang dan melancarkan kempen terhadap Kerajaan jika Kerajaan membenarkan kenaikan dengan tidak patut harga barang-barang keperluan.

Lanjutnya, Kerajaan hendaklah melantik jurucakap-jurucakap pengguna ke dalam Dewan Negara supaya kepentingan para pengguna diwakili di Dewan Negara dan bukan seperti sekarang di mana Dewan Negara digunakan untuk mencampuk “political has-beens” parti-parti pemerintah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah menubuhkan sebuah Kementerian bagi Hal Ehwal Pengguna-pengguna yang akan bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan para pengguna dan memperjuangkan kepentingan pengguna-pengguna

dalam Kerajaan dan dalam Kabinet di mana Kementerian secara kebetulan akan berkelahi dengan Kementerian-kementerian lain. Sebarang kebenaran yang diberikan oleh Kerajaan untuk kenaikan harga barang-barang perlu tidak bolehlah dibuat tanpa dirunding terlebih dahulu dengan Kementerian Hal Ehwal Pengguna-pengguna di mana kementerian tersebut akan mendapatkan pandangan seberapa pergerakan pengguna-pengguna yang boleh yang ujud di negara ini.

Juga akan menjadi tugas Kementerian Hal Ehwal Pengguna-pengguna untuk menamatkan keadaan skandal di mana harga barang-barang melambung naik tetapi tidak turun.

Umpamanya, sungguhpun harga tepung gandum telah menurun sebanyak 23% dan juga harga sekati tepung gandum telah menurun sebanyak lima sen ke 35 sen sekati, harga roti masih tidak berubah. Mengapakah Kerajaan tidak membuat apa-apa untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna?

Gula masih dijual sebanyak 65 sen sekati seperti dijual dalam tahun 1974 di mana harga gula mentah di pasaran dunia ketika itu ialah \$1,622.50 setiap tan. Harga gula mentah telah menurun tidak putus-putus sehingga dalam tahun 1975 harganya ialah sebanyak \$1,111.96 setiap tan, dalam tahun 1976 harganya ialah \$684.10 setiap tan dan dalam pertengahan pertama tahun ini harganya telah menurun ke \$508.90 setiap tan. Rakyat tidak sepatutnya membayar lebih dari 40 sen untuk setiap kati gula dan gula merupakan satu perkara yang dengan tidak pasal-pasal telah menaikkan kos penghidupan rakyat yang miskin.

Kerajaan hendaklah menekan untuk berunding semula dengan Australia mengenai kontrek gula yang ditandatangani dengan Australia di mana Malaysia telah bersetuju membeli 1.65-juta tan gula dari Queensland dalam tempoh enam tahun sehingga tahun 1980 dengan harga permulaan sebanyak \$814.50 setiap tan.

Jika Malaysia gagal mendapatkan Australia mengurangkan harganya kepada satu harga yang munasabah, maka Malaysia hendaklah membeli gula mentah dari negara-negara lain dengan harga yang terdapat di pasaran dunia supaya menentukan pengguna-pengguna Malaysia tidak menderita akibat kontrek jangka panjang dengan Australia itu yang jika diperhatikan sekarang merupakan kontrek yang tidak baik dan juga lebih lagi merupakan faktor utama yang mengurangkan taraf kehidupan orang-orang miskin baik di bandar atau di luar bandar.

Rancangan Malaysia Ketiga telah mengidentifikasi beberapa golongan miskin. Saya bercadang oleh kerana belanjawan tahunan ini merupakan pelan tahunan Rancangan Lima Tahun itu, sekurang-kurangnya Lapuran Ekonomi Perbendaharaan hendaklah memuatkan satu pengkajian semula tahunan tentang kemajuan yang dicapai oleh rancangan-rancangan untuk membasmi kemiskinan dalam setiap golongan miskin. Ini hendaklah dibuat jika kadar kemiskinan hendak dihapuskan seperti tercatat dalam Dasar Ekonomi Baru dan kalau matlamat penghapusan kemiskinan menjadi satu tujuan yang utama.

Saya juga hendak mengambil peluang ini untuk membuat beberapa komen mengenai golongan-golongan miskin ini.

(1) *Penanam-penanam padi:*

Masalah asas yang dihadapi oleh penanam-penanam padi ialah tanah yang kecil dan juga masalah sewa tanah. Kebanyakan penanam-penanam padi memiliki bidang tanah yang tidak berekonomikal kurang dari 3 ekar dan saya telah berkali-kali berkata di dalam Dewan ini Akta Penanam-penanam Padi (Padi Cultivators Act) telah gagal melindungi taraf dan kepentingan penyewa-penyewa tanah. Suatu akta baru hendaklah digubal untuk menggantikan akta yang lama itu yang tidak begitu efektif supaya menentukan faedah yang diperolehi daripada beratus-ratus juta ringgit yang dibelanjakan untuk tujuan

pembangunan perairan tidak diperolehi oleh tuan-tuan punya tanah absentee dengan meninggalkan sedikit faedah sahaja kepada penanam-penanam padi yang bertungkus lumus untuk mengeluarkan hasil tanaman.

Pada mula-mulanya, Akta Penanam-penanam Padi yang baru itu hendaklah melindungi kepentingan penyewa-penyewa tanah dari sistem penindasan yang dilakukan oleh "absentee landlords" dan kedua, suatu rancangan Kerajaan yang raksasa untuk menghapuskan "absentee landlords" dilancarkan supaya menentukan setiap penanam padi adalah juga pemilik tanah yang dikerjakannya itu.

(2) *Pekebun-pekebun kecil:*

Hasil getah yang diperolehi dari kebun-kebun kecil adalah jauh perbezaannya dari hasil yang diperolehi dari ladang-ladang getah dan Kementerian Perusahaan Utama hendaklah memberikan perkara ini perhatian yang segera dengan meluas dan memperbaiki perkhidmatan sambungan (extension service) yang disediakan untuk pekebun-pekebun kecil supaya menentukan bahawa the use atau pengeluaran getah pekebun-pekebun kecil ada setanding dengan estet-estet.

Tetapi, Kerajaan tidak boleh membenarkan sekim-sekim Kerajaan seperti sekim penanam semula di bawah RISDA untuk disalahgunakan dan membawa keburukan kepada para pekebun kecil. Terdapat banyak sebutan-sebutan mengenai penyelewengan rancangan RISDA.

Di sini ingin saya menarik perhatian Dewan ini kepada skandal RISDA yang bernilai \$700,000 yang berlaku di Johor di mana 180 orang pekebun-pekebun kecil apa yang dahulu dikatakan Central Paloh Estate, Paloh, Keluang, telah dinafikan bayaran sebanyak \$700,000 ses penanaman untuk selama 11 tahun.

Pada 8hb Januari 1966, tuannya Central Paloh Estate iaitu Kulim Rubber Plantations

Limited telah menandatangani satu perjanjian jualan untuk menjual seluruh Central Paloh Estate itu.

Saya mempunyai suatu cabutan yang relevan dari Lapuran Pengarah Syarikat Kulim Rubber Plantations Ltd. serta juga penyata akaunnya bagi tahun yang berakhir 31.12.76 yang berbunyi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bacakan satu paragraph.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjangkah atau pendek, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Pendek!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bolehlah.

Tuan Lim Kit Siang: "As announced in the Interim Report issued on 15th December 1967 the Company has contracted to sell one of its properties, comprising 1,761 acres of pedigree rubber, for a price equivalent to £343,833. Instalments totalling £136,479 have been duly paid to-date and it has now been agreed that payment of the balance is to be brought forward to 17th July 1968, on which date the purchasers will take possession of the estate".

Tuan Yang di-Pertua, Central Paloh Estate yang luasnya ialah 1,761 ekar telah dijual kepada lebihkurang 180 orang pekebun-pekebun kecil yang telahpun mengambilalih pemilikan estate tersebut. Tetapi, sungguhpun Kulim Rubber Plantations Limited telah menjual 1,761 ekar dari Central Paloh Estate, syarikat tersebut masih telah menuntut bayaran ses dari tahun 1966 hingga tahun 1976 dan syarikat tersebut telahpun dibayar wang ses untuk ladang tersebut yang tidak dipunyai olehnya itu.

Butir-butir mengenai bayaran ses yang pihak RISDA telah membayar setiap tahun kepada Kulim Group dari 1966 hingga 1976 telahpun diberi dalam satu surat rasmi bertarikh 5hb Julai, 1977 yang dikirimkan oleh Encik Osman bin Mohd. Said dari Bahagian

Estet RISDA Johor dan surat tersebut telah ditanandatangani oleh beliau bagi pihak Pengerusi/Pengarah Besar RISDA dan surat tersebut telah dialamatkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Johor kawasan Keluang Sdr. Lee Kaw, sebagai menjawab surat Sdr. Lee Kaw dan surat itu berbunyi: dengan izin saya membaca dua perenggan, saya ada surat ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa perlunya dibaca surat itu lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Menunjukkan bahawa ada bayaran dibuat dan ada kecuaiian di sebelah pihak orang-orang yang bertanggungjawab beratus-ratus ringgit yang sebenarnya patut disalurkan kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Surat ini berbunyi:

“Bahagian ini tidak mengetahui bahawa Estet di atas (Central Paloh Estate) telah dijual kepada Pekebun-pekebun kecil sehinggalah perkara ini tuan bangkitkan dalam mesyuarat Dewan Negeri pada 28hb Mei, 1977. Berikutan dengan berita ini saya akan menulis kepada Syarikat Kulim Group Ltd. meminta pengesahan samada Estet di atas telah dijual kepada Pekebun-pekebun Kecil yang tuan nyatakan itu. Geran-geran Estet di atas telah diperiksa oleh Bahagian ini pada 27hb Mac, 1976 dan didapati bahawa nama Kulim Group Ltd. masih tercatat di atas geran-geran itu. Berdasarkan penyemakan ini adalah nyata bahawa setakat 27hb Mac, 1976, pemilik Estet di atas masih Kulim Group Ltd.

“Wang ses yang telah dikembalikan kepada Kulim Group Ltd. dalam tahun 1966 hingga 1976 adalah seperti berikut:—

Tahun	Jumlah ses yang telah dibayar
1966	\$54,897.82
1967	\$72,448.69
1968	\$63,685.53
1969	\$64,397.20
1970	\$60,813.40
1971	\$56,771.67
1972	\$60,245.68
1973	\$60,348.82
1974	\$67,476.87
1975	\$56,797.15
1976	\$66,814.19

“Bagi tahun 1977 belum ada apa-apa pembayaran wang ses yang dibuat kepada Syarikat Kulim Group Ltd.”

Saya terkejut untuk mendapat tahu bahawa pihak RISDA tidak sedar yang Central Paloh Estate telahpun dijual oleh Kulim Group kepada pekebun-pekebun kecil apabila perkara penjualan estet itu bukan sahaja diakui secara umum oleh Syarikat tersebut dalam Laporan Pengarahnya tahun 1967 tetapi juga diketahui oleh orang ramai. Adalah amat sukar untuk menyembunyikan hakikat bahawa sebanyak 1,761 ekar tanah telah dijual kecuali pihak RISDA hidup dalam satu dunia yang lain.

Adalah tidak baik untuk mengatakan bayaran ses untuk tahun 1977 tidak dibuat. Dengan membuat bayaran sebanyak hampir \$700,000 sebagai bayaran ses kepada Kulim Group apabila syarikat tersebut tidak lagi menjadi tuanpunya estet yang seluas 1,761 ekar itu merupakan satu perbuatan yang amat tidak bertanggungjawab kerana pada tahun 1972 salah seorang pekebun-pekebun kecil telah menulis kepada pihak Penanaman Semula dan memberitahu pihak tersebut bahawa Central Paloh Estate telahpun dijual kepada pekebun-pekebun kecil itu.

Kulim Group tidak berhak menuntut dan menerima sebanyak lebihkurang \$700,000 sebagai pembayaran ses untuk Central Paloh

Estate untuk 11 tahun yang lalu ini sedangkan syarikat tersebut tidak lagi menjadi tuannya estet tersebut. Wang itu sepatutnya hendaklah diberikan kepada pekebun-pekebun kecil berkenaan dan bayaran hendaklah dibuat secara toto.

Saya berharap Menteri Perusahaan Utama akan menyiasat perkara ini dan memberi Dewan ini satu jawapan yang munasabah. Malah saya bercadang supaya BSN diminta siasat tuntutan dan pembayaran ses ini — kerana kesilapan yang besar seperti ini tidak boleh dibuat jika pegawai-pegawai RISDA adalah bertanggungjawab dan tidak cuai.

Kulim Group sekarang telah disusun semula dan sekarang dipanggil Kulim (Malaysia) Sdn. Bhd. di mana SEDC Negeri Johor mempunyai saham yang melebihi 40%. Pengerusi Lembaga Pengarah syarikat tersebut adalah orang yang sama dan beliau bernama P.B.L. Coghlan dan juga dua orang pengarah lain juga adalah orang-orang yang sama kecuali kemasukan dua orang nominee SEDC Johor bernama Bahaudin bin Pasok dan Haji Basir Ismail. Syarikat Kulim (Malaysia) Bhd. sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab hendaklah membayar balik kepada pekebun-pekebun kecil wang sebanyak \$700,000 itu.

(3) *Kampung-kampung Baru*

Masalah asas kampung-kampung baru ialah tanah yang terhad untuk setiap keluarga. Hanya separuh daripada kampung-kampung baru mempunyai tanah untuk tujuan pertanian. Dari ini, satu pertiga dari tanah tersebut tidak mempunyai hakmilik yang diiktirafkan sedangkan kebanyakan tanah-tanah yang baki itu mempunyai hakmilik yang terhad.

Saya tidak dapat memahami mengapa sebuah Kerajaan yang ambil berat untuk penduduk-penduduk kampung-kampung baru memberi mereka satu "stake" dalam negara kita ini telah membiarkan 25 tahun lalu tanpa memberikan penduduk-penduduk kampung-kampung baru hakmilik tetap.

Pada hari Ahad yang lalu saya telah berada di Triang, Pahang, dan saya diberitahu hakmilik tanah akan diberikan kepada penduduk-penduduk menjelang tiap-tiap kali pilihanraya umum supaya dapat memujuk rakyat mengundikan calon-calon partai pemerintah tetapi selepas pilihanraya umum diadakan perkara tersebut sengaja dilupakan. Perkara ini kemudiannya diulangi lagi apabila menjelang pilihanraya umum yang lain. Malah di kampung-kampung baru yang terdapat di Pahang seperti di Triang, Mentakab, Bentong dan Temerloh, empat hakmilik tanah telah dikeluarkan di setiap kampung baru semasa pilihanraya sebagai menunjukkan betapa seriusnya janji yang diberi oleh calon-calon partai pemerintah. Tetapi selepas pilihanraya itu perkara ini sengaja dilupakan lagi sekali.

Di Negeri Pahang tiada kekurangan tanah, tetapi tanah di negeri itu digunakan oleh pemimpin-pemimpin khasnya MCA peringkat negeri dan tempatan untuk menjadi kaya. Terdapat banyak aduan yang dibuat tentang pemimpin-pemimpin MCA yang mendapatkan mereka yang benar-benar tidak bertanah untuk menandatangani permohonan collective untuk mendapatkan tanah dari pihak Kerajaan Negeri tetapi apabila tanah itu dibahagikan pada akhirnya, orang lain pula yang dapat. Orang-orang tertentu membuat wang sedangkan mereka yang benar-benar tidak bertanah masih tidak bertanah dan masih terus menjadi miskin.

Skandal tanah bukan sahaja berlaku di Negeri Pahang tetapi juga di Negeri Johor, Perak dan di lain-lain negeri.

Bagaimanakah masalah tidak ada tanah para petani, pekerja estet yang telah dibuang kerja ataupun seorang penduduk kampung-kampung baru dapat diselesaikan jika sekiranya kepincangan-kepincangan rakyat yang miskin dalam perkara sumber-sumber semula jadi dibenar dilakukan oleh mereka yang kaya dan berkuasa?

Terdapat satu keperluan segera untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya di Raja untuk menyiasat penyalahgunaan tanah yang berlaku di beberapa negeri di negara ini. Semua perkara berkaitan dengan "malpractices" tanah hendaklah dibongkar dan dihentikan.

Menyentuh tentang kampung-kampung baru dan masalah tanah yang terhad bagi penduduk-penduduk di kampung-kampung baru, saya difahamkan bahawa satu rombongan FAO-IBRD telah mencadang kepada Kerajaan supaya menjalankan satu kajian sistematik tentang keadaan tanah yang terdapat dalam lingkungan munasabah dari setiap 400 lebih kampung-kampung baru supaya dapat menentukan setakat berapa banyak tanah yang sedia ada dikelilingi kampung-kampung baru berkenaan yang boleh diberikan kepada para penduduk kampung-kampung baru. Saya tidak sedar samada ini telahpun dibuat. Saya berharap Menteri yang berkenaan akan dapat membuat satu penjelasan mengenai perkara ini kepada Dewan ini kerana perkara ini hendaklah diberi perhatian yang segera.

Dalam ucapan belanjawannya, Menteri Kewangan telah menyebut tentang peruntukan bekalan elektrik ke luar bandar yang akan menjadi salah satu daripada rancangan untuk meninggikan taraf kehidupan dan juga kualiti kehidupan rakyat di luar bandar.

Tetapi adalah memeranjatkan untuk mengetahui tempat-tempat yang telahpun diberi bekalan elektrik kini telah tergendalanya bekalan elektrik tersebut seperti berlaku di Paloh sejak 1hb Jun, Chaah sejak 1hb Ogos dan mulai hari ini saya faham di Bekok dan di Labis. Ini bukan sahaja mengakibatkan kerugian dari segi ekonomi dan perniagaan tetapi juga mengakibatkan peningkatan kadar kecurian di tempat-tempat berkenaan.

Sungguhpun tempat-tempat ini dibekalkan dengan elektrik oleh syarikat-syarikat kuasa persembirian dan syarikat-syarikat tersebut sekarang menuntut supaya tarif elektrik dinaikkan

lebih dari kadar yang ditetapkan oleh pihak LLN, pihak-pihak yang berkenaan seperti LLN dan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam hendaklah mengambil tindakan segera untuk memulihkan bekalan elektrik kepada bandar-bandar berkenaan. Saya telahpun berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang berjanji beliau akan mengambil tindakan yang segera. Saya bangkitkan perkara ini di sini oleh kerana baru pada malam tadi saya menerima lapuran-laporan yang menyatakan bahawa penyokong-penyokong Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi kawasan Keluang dan juga pemimpin-pemimpin MCA tempatan telah pergi ke seluruh pelusuk bandar Paloh dan berkata mereka berani bertaruh \$5,000 bagi setiap \$1,000 bet bahawa bekalan elektrik di Paloh tidak akan dipulihkan.

Saya ingin bertanya Kerajaan Barisan Nasional: Apakah mereka benar-benar hendak menolong rakyat biasa ataupun mereka suka melihat rakyat menderita dan dinafikan kemudahan-kemudahan asas?

Tuan Yang di-Pertua, sangat mustahak dalam tanggungjawab mengenadalkan atau menjaga beribu-ribu juta ringgit bahawa pihak Kementerian Kewangan menunjukkan bahawa mereka ada kebolehan dan kejujuran dan baharu-baharu ini ada berbangkit satu tandatanya yang besar samada pihak Kementerian Kewangan mempunyai kebolehan dan kejujuran ini. Saya sebutkan mengenai colapsnya sebuah syarikat insuran iaitu First General Insurance. Perkara ini sangat rumit oleh kerana mystery yang ada mengenai the collapse of the FGI belum dijelaskan.

Semenjak tahun 1973 Juruodit-juruodit First General Insurance, Hanafiah, Raslan dan Mohamed ada membuat banyak qualifications dalam lapuran mereka. Mereka ada menunjukkan recevables sejumlah \$6 juta lebih tidak disecured dengan cukup dan mereka tidak memberi pandangan samada perkara ini boleh dapat balik. Juruodit-juru-

udit itu lagi ada membuat kesimpulan bahawa assets syarikat ini iaitu insurance fund tidak mencukupi selaras dengan Akta Insuran. Mereka membuat banyak lagi lain-lain qualifications. Dan akaun-akaun untuk tahun 1974 lebih teruk. Satu fixed deposit yang bernilai \$6 juta dalam Balance Sheet tahun 1974 terhilang dari akaun tahun 1975. Dan dalam akaun tahun 1975 terdapat lebih daripada 20 qualifications yang dibuat oleh juruudit-juruudit. Tentulah dalam tahun 1973 seawal-awalnya ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa FGI tidak sihat dari segi kewangan. Mengapakah Director-General of Insurance tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menyiasat irregularities itu — begitu jauh, begitu panjang tempohnya.

Apabila Mosbert empire jatuh pada tahun 1974 dan Kerajaan Singapura mengadakan satu siasatan ke dalam semua syarikat-syarikat Mosbert. Terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kedudukan kewangan FGI tidak sihat, tetapi Director-General of Insurance tidak mengambil apa-apa tindakan untuk melindungi kepentingan orang ramai. Dan apabila FGI collapsed baru-baru ini, FGI ada lebih \$20 juta insuran liability dan Director-General of Insurance telah menggunakan seksyen 12 (A) Akta Insuran (Pindaan) yang memberi kuasa kepada beliau untuk mengenakan levy tahunan sebanyak 1% atas semua gross premium yang dibuat oleh syarikat-syarikat insuran, tetapi apa yang mustahak ialah bukannya industri insurance yang terpaksa menanggung beban \$20 juta outstanding claims of FGI. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pada akhirnya \$20 juta ini akan dibebankan oleh orang ramai, oleh insuran public oleh kerana syarikat-syarikat insuran tentu tidak boleh absorb liability yang tinggi sebanyak \$20 juta dan ini akan dipass on kepada insuran public.

Soal yang mesti dijawab ialah mengapakah pihak yang berkenaan membiarkan FGI operate daripada tahun 1974 tanpa pemeriksaanan (check) yang munasabah yang kalau dibuat pada masa itu tidak akan mengakibatkan

satu kerugian yang begitu besar sehingga \$20 juta. Dan lagi satu aspek FGI yang perlu mendapat jawapan ialah mengapakah Kerajaan memberikan lesen kepada South-East Asia Insurance Bhd. untuk mengutip semua premium-premium outstanding yang dihutang oleh ejen-ejen FGI tetapi tidak bertanggungjawab atas liability FGI yang berjumlah \$20 juta. Inilah satu lesen untuk membuat wang. Mengapakah Kementerian Kewangan telah melanggar dasarnya sendiri di mana semua syarikat-syarikat insuran yang baharu mesti mempunyai penyertaan (participation) bumiputra, yang saya tahu South-East Asia Insurance Bhd. ialah sebuah syarikat insuran baru yang tidak ada equity participation bumiputra tetapi ada penyertaan pihak-pihak daripada Korea Selatan. Semua irregularities ini membangkitkan soalan samada pihak Kementerian Kewangan ada competence dan integrity untuk menjaga kewangan yang berjumlah beribu-ribu juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat Rancangan Malaysia Ketiga untuk pelaburan swasta ialah 10%. Ramalan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk pelaburan swasta bagi tahun 1977 ialah 9% dan Menteri Kewangan telah berkata pada hari Jumaat lalu kadar pelaburan oleh pihak swasta yang dicapai pada tahun ini ialah 8.2% dan angka ini masih diragui.

Apa yang tidak diragui ialah "pick up" kadar pelaburan di Malaysia yang amat perlahan. Sebab utama ialah kekurangan keyakinan kerana bukan sahaja orang-orang Malaysia yang takut untuk melaburkan wang mereka di sini tetapi juga pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sendiri telah hantar wang-wang mereka keluar negeri. Dalam keadaan ini adalah menjadi amat "naive" untuk berharap pelabur-pelabur asing akan melaburkan wang mereka di Malaysia sedangkan rakyat Malaysia dan juga pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sendiri hantar wang mereka keluar negeri.

Parti DAP menyeru Kerajaan untuk mendapatkan balik keyakinan rakyat Malaysia

untuk melabur di Malaysia. Sebelum ini boleh dibuat, beberapa langkah perlu diambil oleh Kerajaan. Pertama, Akta Penyelarasan Perhubungan hendaklah dimansuhkan kerana Akta tersebut mewakili apa yang sebenarnya tidak betul dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang mengikis dan menghapuskan perlindungan undang-undang untuk pelabur-pelabur tempatan, khasnya pelabur-pelabur bukan Melayu dan juga penguatkuasaan konsep budibicara yang birokratik dalam meluluskan pelan-pelan, lesen-lesen dan permohonan-permohonan. Inilah yang sangat mustahak oleh kerana kalau legal protection untuk investor-investor dihapuskan dan apa yang digantikan ialah bureaucratic discretion untuk meluluskan pelan-pelan, lesen-lesen atau applications tentulah kepercayaan investor-investor tidak ada, oleh kerana ada peluang untuk salahguna kuasa dan perkataan-perkataan seperti "national interest" dalam pengalaman masa lampau boleh dikatakan "multitude of sins".

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu pemansuhan Akta Penyelarasan Perusahaan boleh dikatakan jadi satu syarat atau prerequisite untuk mendapatkan balik kepercayaan orang Malaysia mengenai security pelaburan-pelaburan mereka di tanahair dan mengadakan konsep-konsep budibicara birokratik untuk meluluskan pelan-pelan, lesen-lesen dan permohonan-permohonan yang memberikan peluang-peluang untuk corruption dan untuk salahguna kuasa.

Yang kedua yang sangat mustahak untuk memulihkan kepercayaan semua rakyat Malaysia mengenai masa depan Malaysia dan anak-anak mereka di Malaysia. Bahawa perkara itu sudah jadi satu tanda persoalan yang besar boleh ditunjukkan daripada migration yang besar oleh doktor-doktor, orang-orang profesional ke luar negeri, termasuk seorang doktor iaitu abang Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran. Sampai masa ini pihak Kerajaan tidak mengambil perhatian yang berat atas masalah ini dan kalau masalah ini dibiarkan dan faktor-faktor basic

diketepikan, saya rasa tidak boleh berjaya mendapat balik kepercayaan tempatan dalam masa depan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dikatakan bahawa Malaysia hidup di antara satu dream dan nightmare. Dreamnya ialah potensi kekayaan yang terbesar dari kekayaan natural resources dan penduduk-penduduk yang begitu kecil hanya 11 juta orang, nightmaranya ialah satu kemungkinan, kekacauan bukan sahaja mungkin akan berlaku di antara kaum atau antara interest economic mengenai pembahagian kekayaan negara kita. Kita sekarang sedang menuju kepada nightmare itu. Parti saya harap bahawa kita boleh menukar arahan dan menuju kepada dream tersebut. Jika Malaysia mahu menuju ke arah dream, Malaysia hendaklah membuat, pertama kita mesti kaji dasar-dasar kita Dasar Ekonomi Baru di mana Dasar ini sekarang menunjukkan ke arah mewujudkan satu kelas Kapitalis Melayu dan dasar hendaklah dikaji semula dan mesti dimansuhkan oleh kerana dasar-dasar ini akan merumitkan class tension bukan sahaja antara orang-orang Melayu tetapi juga pada akhirnya di antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu dan oleh kerana ada kemungkinan politics of race digunakan untuk menerangkan kenapa ramai orang Melayu masih miskin sungguhpun Dasar Ekonomi Baru sudah berjaya mewujudkan satu kelas kapitalis Melayu. Yang kedua semua orang Malaysia hendaklah diberi tempat yang sewajar di tanahair kita. Kalau kita boleh buat begitu, Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan maju. Sungguhpun kita mempunyai natural resources, kekayaan atau kita bertuah kerana harga-harga barang-barang utama kita tinggi, saya rasa negara kita akan menghadapi satu hakikat yang sangat buruk bagi semua rakyat negara kita.

4.26 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 28hb Oktober yang lepas dan saya bersyukur

kepada Tuhan kerana di dalam ucapan yang panjang lebar ini jelas dan nyata bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Datuk Perdana Menteri hari ini dan Kabinetnya kerana di sini nampak jelas dan nyata bahawa Kerajaan kita sekali-kali tidak pernah melupakan apa yang akan berlaku di masa yang akan datang.

Bila saya lihat dalam ucapannya di muka 43, saya amat tertarik dan teringatlah saya kepada satu hadis, kalau tidak silap katanya: "Kita beringat lima perkara sebelum datang lima perkara". Bererti kita beringat kepada masa yang tidak ada di masa kita masih berada dan beringat masa muda sebelum kita tua. Begitulah saya pun tidak ingat hadisnya.

Di sini izinkanlah saya membaca apa yang saya kata amat tertarik, sebagaimana kata Yang Berhormat Mulia dalam ucapannya:

"Perusahaan petroleum sekarang sudah menjadi salah satu punca utama mendapat pendapatan Kerajaan. Masa depan petroleum, kemungkinan perkembangan perusahaannya dan sumbangan yang dapat diberikannya terhadap pencapaian matlamat sosio-ekonomi kita, adalah amat menggalakkan. Namun begitu, izinkanlah saya memberi ingatan di sini bahawa petroleum seperti juga dengan bijih timah, adalah sumber yang kian merosot. Kita mestilah mengawasi perkembangan pengeluaran petroleum dan menggunakan hasil dan penerimaan tukaran wang luarnya dengan bijaksana. Kita mestilah sedar bahawa sumber petroleum kita tidak kekal lama, dan dengan itu mestilah menggunakan kesempatan yang terulang ini sepenuhnya untuk memesatkan pencapaian matlamat-matlamat sosio-ekonomi kita. Justeru, itu kita mestilah mempergiatkan lagi keupayaan pembangunan kita dan menggunakan sumber petroleum dari sekarang, untuk mempelbagai dan memodenkan ekonomi dan menambahkan perusahaan kita demi kepentingan jangka panjang ekonomi dan kewangan negara dan kebajikan rakyat seluruhnya".

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna kita beringat di masa kita berada. Fahamlah kita bahawa Kerajaan kita ini selalu ada peringatan, tidaklah wang yang begitu banyak diborosan dan sebagainya. Inilah satu perkara yang baik yang amat sangat yang saya tengok dalam ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik juga dalam muka 48 yang mana ini dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia adalah kurniaan daripada Allah subhanahu wataala, bererti Kerajaan kita sekarang amatlah menghargai dan bersyukur atas nikmat Tuhan. Saya yakin dengan sikap yang demikian Tuhan akan mengizinkan Kerajaan yang ada hari ini, saya fikir selagi ada umur kita harus sampai anak cucu kitapun selagi dasar begitu Tuhan akan bersama dengan kita.

Sungguhpun begitu, Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi adat kepada dunia, selagi manusia dinamakan manusia manusia tidak boleh mempersetujui seluruhnya di atas satu-satu perkara, misalnya, di dalam badan bagaimana sihat sekalipun ada juga pening, sakit dan sebagainya. Ini tidak boleh dinafikan. Apatah lagi parti Pembangkang yang saya rasa dukacita bila Kerajaan kita tidak naikkan cukai yang banyak dikatakan pula Kerajaan menggula-gulkan pula kerana dekat pilihanraya. Setakat saya berada di dalam Dewan ini saya kadang-kadang senyum dan gelak dengan sendiri kerana tidak pernah dengar parti Pembangkang memuji walau bagaimana baik pun Kerajaan buat. Kalau kita tidak tinggikan cukai dia kata kita hendak gulgula, kalau tinggikan cukai hendak hentam rakyat. Pendekata, apa juga kita buat, dia akan kritik. Maklumlah dunia ini selagi ada yang tidak bersetuju kalau tanya orang kalau cari tidak baik tanyalah musuh, kalau hendak cari baik, tanyalah kawan. Jadi saya tidaklah buat alasan banyak ini telah menjadi adat dunia.

Saya sendiri, bersyukur sebagaimana saya katakan tadi sebagai seorang rakyat Malaysia

yang ada di dalam negara kita yang boleh dikatakan kalau hendak dibanding dengan negara lain saya tidak mahulah sentuh. Tetapi kalau saya tidak sentuh pun orang semua tahu; apatah lagi saya duduk di Perlis, sempadan dengan negara yang berjiran dengan kita. Kita tengoklah Kerajaannya pun mungkin semua orang ada baca berita di dalam suratkhbar termasuk parti Pembangunan. Jalanraya besar dan tentang rakyat pula bagi siapa yang selalu pergi ke sempadan sebelah utara kita dapat lihatlah mata pencarian rakyatnya. Saya rasa syukur, Tuan Yang di-Pertua, saya buat kajian dan saya tengok sendiri dengan mata kepala saya pendapatan rakyat Malaysia dan bangunan rumah-rumah rakyat Malaysia apatah lagi sejak Kerajaan kita memerintah dari Perikatan dahulu sampai ke Barisan Nasional sekarang, pertumbuhannya amatlah baik dan amatlah banyak. Tetapi bagi orang yang tidak mahu berfikir ataupun sengaja mencari kesalahan, tentulah kritik setiap ketika. Sungguhpun begitu saya sendiri sebagai wakil rakyat juga bukanlah mengkritik atau mendesak tetapi seperti kata orang ialah supaya bertambah baik lagi di sini saya suka mengesyorkan untuk pertimbangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal pertama yang saya suka bangkitkan dan selalu juga saya bangkitkan iaitu walau bagaimana kita makmur sekalipun kalaulah keamanan tidak betul-betul terjamin, saya tidak kata keamanan tidak ada, tetapi bertambah baik lagi terjamin, baik di waktu-waktu malam, di waktu-waktu siang, jalan mana kita lalu semua bertambah baik. Ini saya telah tegas dulu.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan hari ini kerana telah mengadakan satu Pasukan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) yang kerap juga ada di Perlis. Mereka ini telah menjalankan tugas dengan baik dengan mendapat satu gelaran yang istimewa. Seperti di dalam rancangan TV ada terdapat rancangan "Combat" yang selalu ditayangkan pada malam Isnin. Memandangkan rancangan "Combat" ini maka diberi gelaran

kepada UPP ini seperti "Combat" juga. Bukanlah gelaran ini sebagai mengejek tetapi satu gelaran yang istimewa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Sejak adanya UPP boleh dikatakan di Perlis penyeludupan sangat berkurangan. Sebagai satu bukti saya dengar daripada salah seorang yang boleh dipercayai mengatakan sebelum adanya UPP ini hasil yang didapati di Pahang Besar iaitu sempadan Malaysia dengan Thailand hanya \$180,000 ke bawah. Tetapi sejak adanya UPP, kerana penyeludupan payah hendak masuk, maka hasilnya sampai \$400,000 sebulan. Inilah berita yang boleh dipercayai. Inilah hasil adanya UPP. Selain daripada keamanan di jalanraya dan sebagainya hasil kita telah bertambah. Dengan sebab itu, saya berpendapat patutlah Pasukan Unit Pencegahan Penyeludupan ini diperbesarkan lagi apatah lagi pasukan keselamatan yang ada sekarang tidak begitu cukup di dalam negara. Di bubuh sana, di sini. Sebab wang kita sudah banyak saya berharaplah pihak Kerajaan dapat menambah lebih banyak pasukan keselamatan khasnya polis supaya dapat menyelamatkan keselamatan negara kita walaupun di mana-mana sekalipun. Di Perlis utamanya, walaupun aman tetapi kadangkala ada juga berlaku rompakan di tempat-tempat yang sunyi. Alangkah baiknya kalau UPP atau polis ini dapat meronda setiap masa khususnya di tempat-tempat sunyi seperti yang saya katakan tadi.

Di samping itu saya berharap sangat kepada pasukan polis ini yang telah menjalankan tugas dengan baik — saya tidaklah men cadangkan menghalalkan perkara yang haram, tetapi sebagai satu langkah yang baik, kalaulah didapati ada orang-orang yang pergi ke Padang Besar ataupun di mana-mana pun dekat sempadan yang membeli beras agak se-gantang yang niat betul-betul hendak makan bukan kerana hendak ambil upah janganlah dirampas. Tidak dapat dinafikan ada juga

yang mengambil upah sekali segantang atau dua gantang, kemudian sampai sehari lima kali atau enam kali. Saya yakin pihak UPP atau polis dapat menahan atau mengecam pihak yang berkenaan. Tetapi kalau betul-betul kerana hendak makan janganlah dirampas hak mereka ataupun didenda. Gunalah kebijaksanaan.

Di samping itu saya harap Kerajaan menyediakan tempat-tempat yang agak selesa kepada pasukan UPP ini. Kadang-kadang rumahnya tidak ada api. Lantai tidak begitu baik dan sebagainya. Begitu juga pasukan ini pakaiannya kadang-kadang kalau hendak dikatakan tidak senonoh tidak elok sangat, tetapi hendaklah disesuaikan dengan keadaan supaya cukup tertib dan baik. Keseluruhannya saya amatlah puji apatah lagi rakyat Perlis puji pasukan ini. Kerana sejak adanya pasukan ini boleh dikatakan selain daripada mendapat hasil yang banyak, rompak, samun, menyamun motosikal dan sebagainya amat kurang berlaku. Saya berharap ditambahkan lagi pasukan ini supaya perkara itu tidak berlaku langsung.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Perlis kecil tetapi sebahagian besar mata pencarian penduduknya ialah di lapangan pertanian. Di sini sebagaimana saya katakan tadi, apa yang dibuat oleh Kerajaan saya tidak nafikan. Kerajaan menimbang dengan semasak-masaknya di segenap segi. Tetapi sebagai rakyat negeri Perlis di mana saya pergi, khususnya di dalam perjumpaan-perjumpaan tidak dapat tidak harga padi disungutkan. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan ataupun Menteri yang berkenaan telah menjelaskannya tidak boleh dinaikkan lagi. Mereka tidak ada jalan lain harga padi didesakkan juga. Ada setengah minta sampai \$40 — \$50 sepikul. Tetapi saya fikir amatlah tidak menasabah. Dengan sebab itu saya berharap dan saya mengesyorkan patutlah Kerajaan menaikkan harga yang patut dari \$28.00 kepada \$35.00. Saya menyatakan di sini dengan alasan-alasan yang munasabah kerana kos perbelanjaan sekarang amat mahal.

Jadi pendekata, selepas dihisab dengan segala perbelanjaan; kalau saya baca iaitu putaran dua kali \$38.00 tanam \$35.00 membaja termasuk racun \$40.00 menuai dan sebagai dekat \$280 pada satu ekar. Jadi selepas ditolak pi mai pi mai, kata orang Perlis ataupun Kedah tidak termasuk dengan usaha kita sendiri, membawa ke kilang dan sebagainya tidak sampai \$50. Kadang-kadang \$40 pun tidak sampai. Apatah lagi kalau kena masa hujan turun, tidak balik modal apa yang dikeluarkan. Tetapi apakah daya nasib pak tani sudah menjadi kelaziman buat bendang maka terpaksa buat bendang.

Dengan sebab itulah saya merayu kepada Kerajaan. Saya gunakan kalimah “merayu” atas nama penduduk Kedah dan Perlis ataupun di mana-mana sahaja yang mengusahakan bendang, patutlah harga padi ini dinaikkan \$35.00 sepikul.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih mengenai kedudukan padi dan saya berharap sangatlah masa penanaman musim dua kali setahun itu hendaklah ditepatkan dengan musim yang betul-betul, kerana pada hari ini kalau kita buat dua kali setahun pun kadang-kadang hasilnya tidak begitu baik disebabkan biasa berlaku dan telah berlaku musim menuai di musim hujan. Kalaulah menuai ini berlaku di musim hujan, biasanya harga padi ini menjadi sepikul \$10 dan saya dengar kalau tidak silap saya, ada orang yang mengatakan baru-baru ini di Sungai Manik, Perak terpaksa dibawa oleh lori polis untuk membawa padi kerana telah dibasahi air. Biasanya kalau dalam bulan Oktober sekiranya kita pergi ke Kedah atau ke Perlis dengan melalui jalan baharu kita dapati di sepanjang jalan itu banyak padi terpaksa dijemur di atas batas kadang-kadang sehingga motokar hendak lalu pun susah disebabkan musim itu kena pada musim hujan. Saya berharap kepada Kerajaan ataupun kepada MADA supaya menjalankan rancangan ini atau memberi nasihat kepada pak tani-pak tani mengikut peraturan yang sebenar, misalnya, kalau masa menabur biarlah bulan Mac, menanam bulan April dan

menuai bulan Ogos, kerana sebagaimana kita tahu walaupun musim ini musim hujan, tetapi ada musim yang tidak ada hujan seperti bulan Julai dan juga bulan Ogos, walaupun hujan tetapi tidak sebegitu hebat, tidak seperti bulan Oktober yang baru lepas ini. Dengan sebab itu saya berharap MADA atau Jabatan Pertanian mengambil berat atas perkara ini. Kalaulah didapati tidak cukup taliair, adakan dengan lebih banyak lagi taliair, janganlah kita membuat taliair yang besar, sungai yang besar tetapi untuk sampai ke satu-satu tempat itu tidak cukup.

Ada berlaku, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya dapat tahu biasanya pesawah atau pak tani menabur dan apabila disekat taliair ini kadang-kadang tidak sampai ke tempat lain, dengan sebab itu pihak yang berkenaan tidak dapat hendak menabur seperti masa yang telah ditetapkan kerana air tidak sampai dan dia terpaksa menanti taliair yang sememangnya terhad. Dengan sebab itu saya mengesyorkan supaya "parit gila" sebagaimana dikatakan dalam MADA itu patutlah dibanyakkkan lagi supaya berfaedah di tempat-tempat yang akan digunakan oleh pesawah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan LKTP ataupun FELDA pada hari ini. Saya dapati banyak rancangan-rancangan FELDA yang mendapat sambutan; ada 73 permohonan sampai sekarang tidak dapat jawapan, mereka tertarik kerana pendapatannya amat baik kalau hendak dibandingkan dengan getah. Walaupun terdapat perbezaan tetapi rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan teratur dan pendapatannya amat memuaskan. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, kalaulah rancangan sawah ini juga diadakan seperti FELDA iaitu dibuat rancangan besar-besaran dengan cukup lengkap, sebelum diberi kepada peserta-peserta dipugar atau diadakan batas dengan begitu cukup, diberi bajak dan juga diberi jentera yang cukup, apabila menuai ada alat yang cukup, maka dengan ini saya yakin akan mendapat hasil yang baik kalau mengikut peraturan yang se-

benar. Dengan sebab itu, saya mencadangkan di sini supaya diadakan satu rancangan yang saya namakan Lembaga Pesawah Malaysia dan perkara ini akan mendapat sambutan kerana kita tahu tanah dalam Malaysia kita ini ada bermacam-macam jenis, ada yang sesuai ditanam padi, getah, bijih dan sebagainya.

Selain daripada Perlis negeri yang kecil, di Perak ada tanah dan di Johor juga ada, dan saya mengetahui baru-baru ini dengan limpah ikhsan Kerajaan Negeri Johor akan memberi kepada Perlis, kalau tidak silap saya untuk 200 keluarga, dan satu keluarga akan mendapat enam ekar tanah. Dengan sebab itu, ramai yang hendak pergi ke Johor sekiranya didapati tanah itu bersesuaian untuk tanaman padi. Di tempat-tempat yang semacam ini kalau Kerajaan buka rancangan seperti FELDA saya yakin hasil padi negara kita cukup dengan menanam mengikut cara dan peraturan yang baik dan kita juga akan mendapat hasil yang banyak walaupun kosnya sedikit tetapi pendapatannya banyak. Oleh sebab itu, saya mengharapkan kalau boleh Kerajaan menjalankan rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lepas saya tengok ada rancangan lawatan yang dibuat ke Taiwan kerana di Taiwan rancangan pertanian amat berkesan. Negeri itu baik atau tidak baik — saya tidak tahu, tetapi saya ingat tiada halangan kita menghantar petani kita ke sana. Apabila mereka pergi melawat ke sana mereka akan mempunyai penuh semangat kerana mereka telah melihat Taiwan, tanahnya tidak banyak dan tanaman dijalankan di celah-celah batu dan sebagainya. Selain daripada itu mereka boleh memberi nasihat kepada peladang-peladang itu. Saya berharap kepada peladang-peladang patutlah dihantar melawat ke tempat-tempat yang perlu. Saya harap juga kepada LPN kalau membeli padi hendaklah berunding dengan LPP kalau boleh diberi harga yang sesuai dan jangan dipotong terlampau banyak. Harga padi sungguhpun \$28 sepikul tetapi kadang-kadang menjadi \$5 sepikul kerana dipotong, kalau padi itu tidak besar pun masih dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang LPN terpaksa bekerja sampai tengah malam seperti kita bermesyuarat Budget atau berbahas Rang Undang-undang Belanjawan kalau tidak selesai kita biasa bermesyuarat sehingga pukul 1.00 atau 2.00 pagi. Masaalah padi begitu juga, ada kalanya bekerja tidak mengira waktu dan kadang-kadang saya dengar berita, kerana saya tidak buat bendang, pihak pembeli ini mereka mengikut time, bila dia tidak sempat membeli padi maka dia mengambil pada hari esok. Jadi saya sukalah menyatakan dengan perasaan ikhlas dan senang hati di sini, kalau harga padi murah tidak menjadi halangan kerana saya tidak mempunyai bendang, tetapi saya suka apabila mendengar harga padi mahal.

Mengenai perbuatan pekilang-pekilang ini saya merasa amat sedih, walaupun saya sendiri ada kilang, tetapi mereka ini sangat pandai, di masa padi banyak mereka membeli dengan harga yang murah, apabila tinggal 10% dibelinya dengan harga yang mahal, kadang-kadang mereka beli dengan \$35 sepikul dengan alasan mereka beli padi mahal. Sebenarnya mereka membeli padi mahal tidak lebih daripada 10% dan yang menjadi mangsanya ialah pak tani. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan mengawasi perkara ini dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap mengenai kemudahan-kemudahan kepada belia-belia terutama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya merasa sukacita kerana Kementerian yang berkenaan telah menghantarkan belia-belia ini melawat sambil belajar, tetapi saya berpendapat kalau boleh tidak payahlah dihantar belia-belia kita ke Canada atau negeri Barat, kita hantarkan ke Timur Tengah dan sebagainya. Saya pernah tengok di awal tahun 70an kalau tidak silap saya, Pejabat Belia dengan kerjasama Belia 4B di masa itu telah menghantarkan belia kita melawat ke Timur Tengah iaitu selepas musim haji. Di samping belia-belia ini melawat ke Timur Tengah dapatlah belia-belia ini membuat umrah atau haji kecil, dan sebagainya.

Saya tertarik hati kerana di Mekah atau Baitullah dengan kuasa Tuhan bila seseorang itu pergi ke sana mereka dapat mencium Kaabah dan kalau perasaan sudah khusuk dia akan jadi bertambah khusuk, dan kalau sekiranya seseorang itu sembahyang selang-selang tetapi apabila dia pergi ke Baitullah di Mekah walaupun tidak mengambil haji yang fardhu, tetapi dia dapat mengerjakan umrah imannya akan bertambah.

Saya pernah tengok 40 orang yang dihantar dengan kapal haji ada kenyataan daripada Belia 4B yang saya tidak payah sebut namanya di sini, saya berpendapat eloklah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini menghantar belia kalau tidak selalu pun tetapi setahun sekali patutlah dipilih beberapa orang belia yang patut dihantar ke sana dan janganlah dihantar ke Canada atau ke negeri Barat. Sebagaimana kita tengok dalam akhbar belia-belia ini apabila mereka balik berpeluk dan bercium tidak mengira tempat. Berpeluk dan bercium ini boleh tetapi biarlah kena pada tempatnya, dalam ugama bukan tidak diberi, misalnya, kita dengan isteri kita boleh, tetapi kalau tidak kena pada tempat tidak boleh — haram dan tidak elok.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, eloklah disesuaikan sedikit dengan keadaan kita. Belia ini saya dapat tahu pada masa beberapa tahun yang lepas cuma ada belia MAYC, kalau tidak silap saya. Dengan sebab beberapa keadaan datang belia 4B dan sebagainya. Belia 4B, MAYC bagus tetapi kadang-kadang jadi masalah dalam kampung. Satu tempat kata MAYC bagus dan tempat kata 4B bagus, bertelingkah sama-sama sendiri walhal peruntukan semua daripada Pejabat Belia. Saya berpendapat patutlah beliau Malaysia ini disatukan, tidak payah MAYC, tidak payah 4B, tidak payah ABIM dan sebagainya. Umat sekarang belia, diadakan seksu. Orang ini cenderung bab ugama, jadikan dia pengerusi bab ugama dengan menarik semua belia-belia. Ini seolah-olah belia kita ini masing-masing cabang. Yang bukan ABIM ini bukan beragama Islamkah dia walaupun

orang Melayu ataupun Islam, seolah-olah dia cara lain dan di satu-satu tempat cantumkan sekali. Mana yang kita tegok waraq, cenderung dalam bab ugama, tuan jadi pengerusi seksu ugama, dia ini cenderung bab sukan dan olahraga, tuan jadi seksu sukan dan olahraga, kesimpulannya satu, tempat tujuanya satu. Itu saya ingat lagi baik. Tidaklah macam hari ini, lepas itu hendak cantum, hendak buat satu badan belia hingga kacau sebab setengah pihak hendak begitu dan begini. Saya berpendapat patutlah diubah dan saya yakin belia-belia 4B, MAYC pun saya merayu demi kebaikan seluruh negara patutlah disatukan, cuma tentang seksu-seksu itu ditubuhkan beberapa seksu yang agak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap sedikit lagi tentang segi perumahan. Perkara ini telah selalu dicakapkan oleh orang. Segi perumahan ini kita hendak mengadakan dalam masa membanyakkan rumah-rumah murah untuk mendapatkan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah tetapi swasta ini masih menggunakan perumahan-perumahan yang harga mahal. Saya biasa tanya kawan-kawan saya yang jadi kontrektor, ini ikhlas saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini, kata seorang. Aku kalau hendak tangkap rumah rancangan FELDA yang berharga \$1,800 tidak mahu tangkap saya pun biasa tangkap tetapi rugi banyak. Saya kata mengapa? Rumah kecil yang papan macam ini payah dibuat. Lambat kita buat katanya papan itu kering. Jadi senang buat kerja rumah yang berharga \$40,000 ke atas. Kalau rumah batu, biar datang hujan dia payah hendak hanyut, panas pun dia tidak kecut, hujan pun dia tidak hanyut. Kalau papan ini datang panas dia jadi cara panas, datang hujan dia cara hujan. Jadi buatlah rumah cara besar, rumah batu kata dia senang buat kerja, untung pun senang, yang menjadi mangsanya orang kampung. Saya percaya swasta ini dia lebih suka buat rumah cara besar-besar. Dengan sebab itu saya berharap Kerajaan patut membuatkan syarat hendak mendapatkan satu-satu lesen mengutamakan kepada badan swasta yang membuatkan rumah-

rumah murah ini yang dapat kepada penduduk-penduduk ataupun orang-orang yang berpendapatan rendah. Itu selalu dicakapkan. Kadang-kadang kerana rumah ini tidak begitu mahal kalau diberi peluang kepada bumiputra ini tidak ada masa langsung boleh dapat, yang dapat orang lain. Kita hendak beri peluang kepada bumiputra. Apa ertinya, seolah-olah sebagaimana aku hendak beri pagar, kita sua beri dia tidak sampai, nah! engkau ambil. Cara itu lagi tidak baik. Kita tahu dia tidak boleh sampai, nah! aku hendak beri, yang kawan duduk di pagar, kalau di atas pun loncat tidak sampai, lama-lama jatuh begitu. Langit tidak sampai, bumi pun tidak sampai. Jadi biarlah kita buat satu-satu benda itu kesempatannya dapat. Penduduk bumiputra ini kita tahu pendapatannya tidak begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat mengambil masa menyebutkan detail-detail. Ini kita dalam perbincangan Bacaan Kali Kedua untuk menegur atas dasar-dasar am Kerajaan sahaja, tidak payahlah masukkan detail-detail.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan serba ringkas saya bercakap tetapi saya mengambil masa ini pendek daripada kawan-kawan yang lain.

Saya bercakap dari segi kesihatan kerana dikatakan kesihatan ini bagus. Kerajaan kita telah membuatkan banyak rumah sakit tetapi selalu saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini selain daripada ubat yang baik, cara layanan itu amat perlu. Kadang-kadang kita dapati hospital kita hari ini, saya tidak tahulah kalau hendak dikatakan pakatan sama-sama doktor, bila satu orang pergi periksa saya tanya secara hati ke hati yang boleh dijadikan

kenyataan, dia tidak periksa. Dia tanya: Awak sakit apa? Tiap-tiap doktor kena tanya juga, kadang-kadang dia tidak pegang kepala, dia tidak periksa, dia tanya awak sakit apa? Di-beritahu kata: Saya pening, sakit itu, sakit ini, dia beri ubat. Setengah orang gelak kata ubat apa "KK" — ubat Panadol kerana ditulis "KK" dia beri benda itu. Saya tidak tahulah ini satu perasaan. Saya takut perasaan ini, kerana banyak orang takut hendak pergi ke hospital. Jadi saya berharap mendapat perhatian daripada pejabat kesihatan. Apa yang disuarakan, mula-mula saya kata tidak betul, kemudian saya tanya beberapa orang, dia kata: Saya pergi tetapi tidak diperiksa dengan baik. Dia pandang-memandang, kalau yang pergi itu Shaari ini tidak begitu, kalau yang pergi itu lebih special lagi special, tetapi kalau yang pergi itu orang kampung, dia tidak tengok. Jadi perbezannya itu tidak boleh dalam masaalah sakit ini. Kadang-kadang dengan sakit ini kita tidak boleh nafikan.

Selain daripada ubat — perasaan, ada satu orang kawan saya biasa cerita. Perasaan ini patut dijaga selain daripada ubat. Satu kawan di Mesir tidak begitu sakit tetapi bila dia pergi kepada satu doktor, doktor ini doktor cari makan, dia pun pandai, dia kata kes awal ini teruk. Bila dia kata teruk, orang itu yang sakit berumur 40 dia naik otomatik jadi 60—70 lama-lama kawan itu payah baik. Dia pergi tempat lain, datang doktor lain pula dia kata sakit sikit sangat, terasa lega sikit. Ini tabiat manusia. Kadang-kadang macam kita tengok penyakit jantung masa perlawanan tinju Muhammad Ali. Orang penyakit jantung ini dia tidak suka kepada satu tabiat susah hati, dia suka apa yang dia hendak itu berjaya, hak yang dia hendak itu tidak berjaya, otomatik mati. Kita ingat seorang mati di Nibong Tebal akibat sakit jantung. Dahulu Muhammad Ali lawan pun kacau, kadang-kadang jatuh sedikit tak boleh mati pun mati. Ini perasaan manusia. Selain daripada ubat itu saya tegaskan budi-pekerti, layanan yang baik itu adalah satu yang perlu selain daripada ubat. Dari segi ini saya harap dalam hospital kita ini kurang sedikit, doktor baik, kadang-kadang

nurse itupun baik, kalau ditengking tak tentu arah.

Saya beralih kepada rancangan luar bandar. Saya berpendapatan Kerajaan patutlah menyegerakan rancangan-rancangan luar bandar seberapa segera yang boleh. Saya suka tegaskan di sini dengan adanya jalan boleh dibanyakkan motosikal, motokar dan sebagainya. Banyaknya motosikal dan motokar hasil negara bertambah baik walaupun Kerajaan terpaksa buat jalan tar asalkan orang beli motokar banyak buatlah sebanyak mana yang boleh kerana beli motokar Kerajaan dapat hasil. Selain daripada hasil masuk, hasil minyak, hasil cukai, seribu satu macam hasil. Dengan sebab itu saya berharap berikhtiarlah sebanyak yang boleh dan seberapa cepat yang boleh. Begitu juga letrik dan sebagainya walaupun terpaksa kita impot daripada luar negeri kalau tidak cukup kakitangan di sini, tetapi kalau cukup kakitangan kita mendapat istimewa kerana anak negeri kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap tentang cuti. Saya sudah bercakap barangkali ada setengah orang tidak bersetuju. Cuti mingguan saya berpendapat dan saya mencadangkan terus patutlah sehari seluruh Malaysia dan bagi rakyat Perlis, saya percaya Kedah, Johor, Trengganu dan Kelantan, cuti hari Jumaat, saya pun suka juga mencadangkan hari Jumaat kerana saya berpendapat betul dari segi perniagaan kita rugi tetapi harinya bukan sama, macam kita dengan Malaysia Timur setengah jam sudah berbeza. Saya percaya kalau dengan England harus lebih jatuh lagi, hari itu tidak sama. Bukan kita kata hari Ahad, hari ini pukul 8.00, saya percaya tidak jadi pukul 8.00 hari Ahad di England. Hari itu ada berbeza, lagi pula sehari yang kedua, ruginya banyak. Saya perhatikan di pejabat-pejabat, minta maaf, hari Jumaat dengan serta-merta, waimma dia hendak pergi sembahyang bagi orang Melayu atau bukan Melayu, hari Jumaat pukul 12.00. Bererti dengan sendirinya 45 minit sudah rugi bagi tiap-tiap minggu. Itu bagi pejabat. Saya

tahu ketua-ketua pejabat dan setengah kakitangan pejabat bekerja sampai pukul 6.00 tetapi ada masa yang patut, ada yang hendak pergi bersembahyang Jumaat bersyukur. Saya perhatikan di Kuala Lumpur ini banyak anak-anak muda kita penuh ke Masjid Negara di tengah jalan bawa kopiah, songkok dan sebagainya tetapi rugi kerja di pejabat dan tidak sama dengan yang lain. Yang kedua budak-budak sekolah. Maka dengan sendirinya pada tiap-tiap minggu bagi sekolah yang lain 45 minit dia rugi perkara-perkara lain. Kalau sekolah di tempat lain keluar pukul 1.15 tetapi sekolah yang cuti tadi pukul 12.00, waima dia hendak pergi sembahyang ataupun dia tidak pergi sembahyang, apatah lagi kadang-kadang pada hari peperiksaan dan sebagainya jatuh pada hari Jumaat dan digandakan lagi. Kalau boleh Kerajaan mengkaji semula. Saya merayu, ini bukan kalimah mendesak, kalimah merayu, saya fikir ada baiknya kalau Kerajaan dapat membuatkan perkara ini.

Begitu juga tentang pegawai-pegawai. Didapati banyak pejabat tak cukup pegawai. Ada setengah pegawai yang rajin sampai pukul 6.00 petang tak balek lagi, ada juga yang malas, maklumlah, kata orang, kalau nyior setandan, kadang-kadang ada juga satu dua yang tak elok yang ditebuk tupai. Ada yang setengahnya bekerja kadang-kadang tak berhenti-henti sampai pukul 6.00 petang tak balek, bawa fail balek ke rumah, maklumlah ragam manusia ini banyak. Tetapi kalau dari segi tak cukup pegawai, saya fikir patut kita tambah lagi supaya rancangan kita boleh dijalankan dengan pesat. Kalau kita hendak buat rancangan tanah merah di luar bandar, misalnya kenalah buat selepas daripada bulan lima ataupun bulan tujuh. Kalau selepas daripada itu, ditabur batu lada sekalipun kalau hendak bubuh 10 lori, ia jadi 20 lori pun tak jadi apa. Tetapi kalau hendak ditabur awal untuk dilaksanakan, kalau pegawai tak cukup saya misalkan, kerana hendak periksa dan sebagainya, kena ada pegawainya. Jadi

kalau tak boleh ambil pegawai yang tetap sekalipun, saya berpendapat Kerajaan mengadakan pegawai sementara di masa-masa yang tertentu, kalau ada perkara-perkara yang hendak disegerakan. Adakan, baik dalam LPN dan sebagainya sebagaimana yang saya katakan tadi, seboleh-bolehnya ditetapkan, itu amatlah baik lagi.

Yang akhir sekali, dari segi sebaran am: radio dan TV ini amatlah mustahak kerana manusia ingin dengan dan ingin tahu termasuklah saya sendiri. Hendak tengok TV dan dengar radio kerana ini ada hiburan dalam radio dan TV itu. Selain daripada berita-berita amatlah baik hari ini, tetapi kalau boleh hendaklah kita bawa unsur ke Malaysiaan kita sedikit. Sebagai Wakil Rakyat, saya rasa rancangan yang ada sekarang ini 80% adalah cara barat, segala-galanya masuk barat; gelak barat, semuanya barat kadang-kadang orang-orang kampung berkata mengapa rancangan TV macam itu. Yang ada rancangan Melayu ialah hari Jumaat malam Sabtu cerita Melayu, itupun bukan gambar Melayu tulin, setengah orang kampung tak faham cakap Indonesia. Malahan Drama hari Ahad malam Isnin, kadang-kadang cerita itupun kata setengah kawan saya tak ketahui hujung pangkalnya, orang atas tak faham, orang bawah pun tak faham apa ceritanya. Jadi saya merayu, kalau tak boleh banyakpun saya merayulah kepada Kementerian Penerangan supaya dikaji semula, kalau boleh janganlah gelak itu banyak sangat Bahasa Ingeris, carilah gelak dalam Bahasa Malaysia, setengah tempat gelaknya tempat lain, tempat tayang dekat lain, seolah-olah ditangkap habuan gelak ketawa itu pelak sangat. Kalau boleh adakan juga lawak jenaka sedikit-sebanyak dalam Bahasa Malaysia atau dicari daripada orang kita Malaysia.

Yang kedua, cerita-cerita Melayu inipun kalau boleh biarlah dicari cerita-cerita lima puluhan dahulu, seperti cerita-cerita Jin Shamsuddin, Allahyarham P. Ramlee, Ahmad Mahmud dan sebagainya amatlah popular,

tak tahulah kalau filem-filem itu sudah hilang tak boleh disiarkan di TV oleh pihak-pihak yang berkenaan. Kalau boleh disiarkan ini amatlah popular orang-orang kampung sangat suka tengok dan setengah-setengahnya amat berkesan, cerita bagaimana orang susah, menghina orang susah, apa balasannya. Inilah yang patut kita cari. Sambil kita tengok ada kesannya. Begitu juga drama, drama biar ada kesan, ada motif, apa matlamatnya. Kita tengok drama hendak mencontohkan pemuda ini baik hendak beri tarikan agama, ingin bekerja dan berdikari. Biarlah ada matlamat. Dengan sebab itu saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya mengadakan pertandingan drama. Dengan adanya pertandingan drama itu, cara yang bagus, itulah yang ditayangkan. Seperti pertandingan Bintang Radio, ia diberi hadiah dan sebagainya, takkan kita tak boleh cari perkara seperti ini. Ini saya rasa akan memberi kesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa syukur juga di dalam Dewan yang mulia ini ceramah malam Jumaat kerap kali diberi peluang kepada Tuan Hamka, saya amatlah bersyukur kepada Tuhan dan ini kalau boleh dibanyakkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pertandingan sukan SEA. Saya bersyukur kerana dapat kita menyaksikan bersama. Sukan ini satu benda yang cukup diminati oleh umum, bukan sahaja diminati oleh umum, sukan ini boleh cari makan, kalau sukan itu maju, pasukan bola itu maju, mereka akan mendapat wang dengan begitu banyak, tetapi yang hendak main bola dan sebagainya ialah manusia. Kita di Malaysia ini, saya dapat tahu kadang-kadang kurang sangat diberi peluang kepada ahli-ahli sukan kita mendapatkan keistimewaan. Kadang-kadang hendak cuti terpaksa cuti bercatit, cuti potong gaji dan sebagainya. Di mana kita hendak cari pemain-pemain sukan termasuk bola sepak dan sebagainya yang ingin bermain dalam pertandingan Piala Merdeka, bulan tujuh sampai bulan lapan dan sebagainya. Saya yakin dan percaya apa yang saya

katakan, kalaulah pemain-pemain Malaysia ini bagus, lebih tepat Malaysia dapat masuk final, maka dengan sendirinya stadium tak muat orang, kerana orang suka sangat tengok pemain Malaysia, tetapi kalau pemain Malaysia tak dapat masuk final ataupun mendapat tempat yang paling akhir atau tidak begitu istimewa bererti dengan sendirinya orang tak suka tengok. Jadi fahamlah kita kalau sukan itu bagus, bererti negeri kita dapat wang lebih orang dapat tengok dengan memuaskan dapat sewa hotel cukai pun Kerajaan dapat. Dengan sebab itu peluang kepada ahli-ahli sukan ini patutlah ditimbang, patut diberi cuti istimewa.

Saya dapat tahu di Indonesia, Johan Badminton Rudy Hartono dapat berbagai-bagai keistimewaan. Begitu juga di tempat-tempat lain macam negara barat, mereka ada satu pasukan khas dan diberi gaji khas, kita hendak buat begitu tak boleh, tetapi berilah istimewa kepada pemain-pemain kita. Dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan dan kepada Kerajaan Malaysia dan pejabat-pejabat yang berkenaan kalau ada perkara yang begini, kita beri mereka. Dengan majunya sukan selain daripada kita mendapat wang yang banyak, sukan juga menjadi satu tali persahabatan antara sesama pemain, sama-sama negeri, bahkan kita sama-sama negeri, bukan setakat seronok, saya percaya sukan membawa hasil yang banyak kepada kesihatan, pimpinan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat setakat itulah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan saya yakin Belanjawan ini amat baik dan disokong segenap golongan walaupun mereka tidak dapat berucap dalam Dewan ini tetapi desas-desus yang kita dengar Belanjawan tahun ini amat membanggakan walaupun dituduh oleh Pembangkang sebagai gula-gula, tetapi ini sebagai rahmat Tuhan kepada kita dan kita akan membuat apa yang diberi kepada kita.

5.08 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Keuangan sambil ingin menyentuh satu dua perkara yang dirasa perlu untuk disebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang didengar dan dibaca, maka hampir-hampir semuanya sepakat bahawa rakyat negeri ini pada keseluruhannya tidak begitu bersungut seperti biasa yang berlaku bila dibentangkan satu Budget kepada Dewan yang mulia ini. Biasanya rakyat kita bimbang, takut-takut ditambah cukai yang akan dipungut oleh Kerajaan. Tetapi Alhamdulillah Budget tahun ini tidak begitu membimbangkan dan hampir-hampir tidak menimbulkan sungutan di kalangan rakyat, Alhamdulillah.

Tetapi seperkara yang perlu diperhatikan benar-benar oleh Kerajaan ialah supaya usaha yang serupa pasti juga dibuat supaya sungutan-sungutan mengenai kegelisahan dalam aspek lain dapat dihindarkan juga. Sungutan mengenai Kerajaan kita masih tidak tegas dan masih teragak-agak, takut dan meraba-raba masih juga kedengaran begitu panjang dan begitu lama dalam beberapa perkara yang tertentu. Satu masalah sungutan masyarakat kita mengenai perkara khalwat di antara orang Islam dengan orang yang bukan Islam. Perkara ini telah disungutkan dan ditulis begitu dalam suratkhbar-suratkhbar dan disungut oleh masyarakat kampung kepada Wakil-wakil Rakyat masing-masing supaya dapat diselesaikan benda ini dengan cepat dan segera. Beberapa hari yang lepas suatu soal jawab timbul di antara Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan seorang Wakil Rakyat dari Ulu Nerus. Dalam soal jawab ini nampak kepada kita bahawa Menteri Undang-undang mengakui bahawa ini bukan tugas Kerajaan Pusat kerana masalah undang-undang Islam adalah di bawah tadbir Kerajaan Negeri.

Perkara ini juga kita selalu dengar bahawa Kerajaan Negeri juga bersungut bahawa ini

bukan kerja dia kerana ini bercanggah dengan undang-undang itu dan ini. Kita hendak biarkan benda ini berlaku terus menerus, nampak sangat kita ini dayus tidak mempunyai ikhtiar atau nampak sangat kita ini tidak mempunyai Kerajaan. Mahu atau tidak, satu ikhtiar mesti dibuat. Dengan apa carapun benda ini terletak bulat-bulat di atas Menteri Undang-undang. Kita dapat mencium satu isyarat daripada Menteri Undang-undang kelmarin bahawa nampaknya beliau ada kecenderungan untuk membuat satu undang-undang yang seakan-akan undang-undang khalwat juga tetapi diberi nama agaknya "moral law" dan sebagainya. Saya sebagai seorang Wakil Rakyat yang banyak sekali menerima sungutan atas perkara ini. Saya berharap benar-benar kepada Menteri Undang-undang supaya tolong menyelesaikan masalah ini. Beliau telah lama dan banyak mempunyai pengalaman dan umur beliau pun telah meningkat ke peringkat yang telah disebut 'tua', tentulah ada cadangan untuk membuat undang-undang itu sekurangnya untuk membuktikan kepada Allah subhanahu wa ta'ala bahawa ini wahai Tuhan, satu undang-undang yang aku gubal untuk menjadi amal sallah untuk menyelesaikan masalah maruah dan masalah nasab atau keturunan di kalangan manusia. Perkara ini tak boleh kita biarkan berpanjangan, akibatnya nanti timbul sungutan-sungutan berpanjangan dan akan meletus akhirnya suatu perkara yang tidak diingini, di luar daripada saluran undang-undang atau demokrasi.

Kedua, masalah kempen anti-hisap rokok dan serentak dengan itu kempen iklan rokok dalam TV dan suratkhbar terus menerus berjalan. Ini pun satu perkara yang menjadi sungutan orang ramai juga. Kempen anti-hisap rokok, kempen anti-barah semua dijalankan, tetapi rokok dijual dengan secara berleluasan dan lebih daripada itu iklan juga masih diteruskan. Bagaimanakah kita hendak fikirkan benda ini yang bercanggah begitu sekali di hadapan mata kita dan di bawah perhatian undang-undang? Satu perkara yang mesti kita buat dan kita merasa malu kepada negara jiran kita yang telah begitu tegas dan

berani mengemukakan undang-undang melarang iklan rokok dalam mass-media yang dipegang oleh Kerajaan. Kita janganlah begitu tamak sangat dengan harta-benda sekalipun kita tahu iklan itu mendatangkan harta yang banyak, tetapi apakala sampai ke peringkat menjahanamkan kesihatan rakyat dan merosakkan rakyat atau membazirkan projek yang kita beri kepada Kementerian Kesihatan, kita tentulah kena fikir bahawa tidak ada untungnya kita membiarkan rakyat kita sakit kerana rokok dan serentak dengan itu kita lancarkan kempen supaya rakyat kita berubat di hospital. Kalau kita benar-benar hendak mengubati rakyat kita, ubatilah betul-betul. Kita beri ubat, kita kempen supaya mereka berhenti daripada perkara-perkara yang menyebabkan timbulnya penyakit dan kerosakan itu.

Ketiga, masaalah pertukaran belia yang disebut oleh wakil dari Perlis sekejap tadi. Kita hebuh sehari dua ini, malah sejak dua-tiga tahun dahulu kita hebuh mengenai masaalah kebimbangan orang-orang tua di kampung untuk menghantar anak-anak muda ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di tanahairnya sendiri belia-belie kita sanggup mencabul adat resam dan mencabul hukum ugama di hadapan mata orang tuanya sendiri dan di atas bumi tanahairnya sendiri, maka apakah belia-belie kita tak boleh kita syak dan ragu bahawa perbuatan mereka itu di negara orang lain dan jauh daripada mata orang tuanya? Besar kemungkinan mereka itu membuat perkara-perkara yang sungguh menggelikan dan sungguh lucu. Kalau di hadapan mata orang tuanya dan di atas bumi tanahairnya sendiri mereka tak dapat mempertahankan adat resam dan ugamanya sendiri, maka besar kemungkinan apabila mereka jauh daripada mata orang tuanya dan jauh daripada tanahairnya sendiri, mereka tentu berani membuat perkara-perkara yang di luar daripada kehendak mereka sendiri. Dan keraguan ini tidaklah jauh daripada hakikat kenyataan. Oleh yang demikian, saya sangatlah berharap

supaya masaalah progrem pertukaran belia kita dan belia luar negeri yang mana kita tahu negeri itu bukan menjaga adat resam ketimuran kita dan mengetahui masaalah selok-belok ugama kita, hendaklah ditukar dengan cara lain, samada dengan cara sesama ASEAN ataupun dengan cara sesama negara Islam yang bertaburan di muka bumi ini.

Keempat, masaalah iklan. Inipun telah menimbulkan keraguan dan sungutan di kalangan masyarakat kita. Iklan-iklan akhbar dan iklan dalam TV yang menggunakan daging tubuh wanita, menggunakan daging tubuh betul-betul seumpama peha dan sebagainya. Walaupun benda ini telah menjadi sungutan umum, tetapi nampaknya Kerajaan kita terlalu "naive" dan masih lagi teragak-agak, ragu-ragu, bimbang dan takut khazanah kita kurang sedikit dan hasil pendapatan iklan kita kurang sedikit. Jadi ini perkara yang sangat perlu mendapat perhatian, lebih-lebih lagi Kerajaan kita sekarang adalah Kerajaan Barisan Nasional yang satu daripada tugasnya untuk menyerapkan ajaran rohani dalam masyarakat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kegelisahan rakyat ialah mengenai dengan keluhuran atau kewibawaan undang-undang negara. Saya terpaksa sentuh sedikit secara umum peristiwa rusuhan dan peristiwa membaling batu ke rumah-rumah kediaman rakyat di Kelantan serta merompak barang-barang dan rumah-rumah tersebut itu di waktu siang hari dan di hadapan mata dan telinga pengawal keamanan sendiri. Perkara ini memanglah terang dan nyata bahawa undang-undang dan demokrasi kita sedang dicabul dan terus dicabul.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap mengenai peristiwa rusuhan di Kelantan baru-baru ini, kita dapati terdapat satu perbezaan yang jelas di antara pemikiran pucuk pimpinan kita hari ini dengan pucuk pimpinan beberapa tahun dahulu dalam menghadapi rusuhan yang pernah berlaku di tanahair kita. Kita telah menghadapi dua rusuhan besar dan mengikut pandangan saya kedua-dua rusuhan

itu telah dikendalikan oleh dua jenis pucuk pimpinan yang agak berlainan sekali. Pertama rusuhan 13 Mei dan kedua rusuhan di Kelantan sekarang. Sebelum berlaku rusuhan 13 Mei, kita dapati bahawa keretakan penduduk Malaysia ini begitu jelas dan ketara. Retak hubungan di antara bumiputra sesama bumiputra, di antara UMNO dengan PAS dan retak hubungan di antara bukan bumiputra dengan bumiputra dan yang bukan bumiputra dengan sesama bukan bumiputra. Oleh kerana kegiatan berpolitik sebelum 13 Mei itu dibuka begitu luas, maka PAS bercakar dengan UMNO, MCA bercakar dengan GERAKAN, DAP dan sebagainya. Apabila berlaku sahaja rusuhan 13 Mei, maka segala keretakan dan segala rusuhan telah dikendali dengan begitu tegas dan cepat dan dengan ikhlas sehingga segala api kebakaran dapat dipadam dengan begitu cepat dan segala keretakan dapat ditautkan semula dengan begitu baik. Segala usaha dibuat oleh Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail. Segala usaha dan ikhtiar telah dilakukan sehingga perkara yang tak masuk di akal di zaman itu telah berlaku. Permusuhan yang begitu hebat dan sengit di antara PAS dan UMNO sebelum 13 Mei, Alhamdulillah dengan ikhlas dan jujur pemimpin-pemimpin kita di zaman itu telah dapat bertindak dan menautkan semula keretakan di antara dua penganut parti itu. Tetapi perbezaan begitu besar dan ketara sekali dalam rusuhan di Kelantan baru-baru ini. Rusuhan di Kelantan seminggu-dua ini berlaku di saat PAS dengan UMNO hampir pulih sampai ke kemuncak.

Kita tidak dengar lagi percakaran politik di Kelantan di antara PAS dan UMNO sekalipun PAS dan UMNO merupakan tapak parti politik di Kelantan. Segala pulau-memulau, keji-mengeji dan tuduh-menuduh di antara satu parti dengan satu parti boleh dikatakan hampir hilang; tetapi tiba-tiba rusuhan meletus. Punca meletusnya sebagaimana yang diketahui umum melalui akhbar, rapat umum sudah dibuat, walaupun yang membuat rapat umum itu tahu zaman ini zaman darurat tak

boleh berhimpun dan sebagainya, ada pantang-larangnya, tetapi dibuat juga di hadapan mata dan telinga pengawal-pengawal keamanan dan di bawah jagaan undang-undang. Sudahlah demikian, ditabur dan disebar fitnah-fitnah yang begitu liar dan tidak begitu bertanggungjawab di hadapan umum, waktu siang hari — ini golongan laknat, ini putar ranggah. Itu setan dan bermacam-macam perkara yang tak harus keluar dari manusia yang akil-baligh, lebih-lebih lagi daripada manusia yang sudah berumur yang hampir masuk pintu kubur. Manusia mana yang tidak terpengaruh dan budak-budak mana yang tidak tertelan tuduhan-tuduhan begini kalau keluar daripada seorang yang bergelar Datuk, seorang manusia yang disebut Ketua Kerajaan. Manusia mana yang tidak terpengaruh dan manusia mana yang tidak makan dengan tuduhan itu. Tetapi sudahlah begitu, rusuhan meletus di Kota Bharu. Dewan Undangan Negeri telah digeledah, telah dikopak, cermin-cermin Pejabat Setiausaha dibaling dengan batu.

Kalaulah pucuk pimpinan hari ini ikhlas dan jujur dengan negara, dengan raja, dengan ugama, sudah tentu mereka bertindak seperti mana dibuat oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail menyekat terus hari itu juga, jangan beri benda itu merebak ke lain tempat. Tetapi hari ini berlaku di Kota Bharu, esok dibiarkan lagi berlaku di Pasir Mas, lusa dibiarkan lagi berlaku di Pasir Puteh. Harta benda di Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, di Kubang Krian, kalau dinilai berpuluh-puluh ribu harta kerugian. Benda itu berlaku, dibiarkan anak-anak sekolah, dibiarkan belia-belia turut sama dalam kempen ini serta disebut benda ini berlaku antara PAS sama PAS, orang PAS yang membuat nakal dan orang PAS yang membuat jahat. Pada hal kalau diperhati, kalau sungguhlah rakyat kampung penganut PAS ini membuat kerja semacam ini, apa sebab benda ini berlaku setelah berkumpul ramai. Apa sebab benda ini berlaku siang hari. Kalau orang PAS dan orang kampung sendiri yang membuat perkara ini, tidak payah mereka

berkumpul, kerana rumah-rumah Wakil Rakyat itu bertaburan di seluruh kampung, orang kampung yang dekat dengan rumah itu boleh baling sendiri, tidak payah berkumpul, tidak payah ajak orang, tidak payah berpakat: Kamu baling Wakil Rakyat kamu, aku baling Wakil Rakyat aku tetapi tidak begitu. Belum dibuat, berkumpul dahulu. Setelah ramai, setelah membuat ucapan-ucapan yang bersemangat secara berapi-api, baharulah benda itu dibuat dan yang membuatnya pemudapemuda, belia-belua yang khabarnya datang dari luar, datang dari tempat lain.

Adanya kelambatan membuat tindakan ini nampak pada kita perbezaan yang begitu hebat, yang begitu jauh di antara pemimpin dahulu dengan pemimpin sekarang. Allahyarham Tun Razak walaupun saya sebagai seorang PAS terpaksa mengakui keikhlasan beliau dan kecekapan beliau dalam mengendalikan rusuhan ini supaya tidak merebak ke lain negeri, tetapi pucuk pimpinan yang ada hari ini di Kelantan khususnya ataupun di Pusat agaknya tidak ikhlas dan tidak jujur membiarkan rusuhan ini merebak dari tempat ke tempat sungguhpun keadaan dalam darurat; selepas di Kota Bharu, di Pasir Mas; selepas di Pasir Mas di Pasir Puteh, kemudian di Kubang Krian dan sebagainya. Kita hendak kata apa, kita hendak kata Polis tidak cekap — mustahil, mustahil seorang anggota Polis yang telah diberi uniform, telah diberi senjata, kemudian kita hendak kata dia tidak cekap, mustahil. Ada sesuatu dan ada perkara di sebaliknya. Dalilnya Polis yang bertindak sekarang, Polis itu juga, uniform itu juga, senjata itu juga, manusia itu juga, tetapi kenapa dahulu tidak bertindak. Setelah negeri itu hampir hancur dan darah begitu banyak mengalir, baharu ada tindakan dan sekarang Alhamdulillah setelah keadaan begitu sekali merebak, baharulah ada ketegasan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat tidak panjangkan masaalah ini. Boleh ditegur atas dasar Kerajaan yang mengendalikan perkara ini sahaja dan tidak payah disebut secara detail. Jemput sambung.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:

Tuan Yang di-Pertua, salah-salah kita mengendalikan kekukuhan politik ini maka satu implikasi yang timbul nanti ialah hilangnya selera parti-parti komponen di masa akan datang untuk bergabung terus dalam Barisan Nasional. Sedangkan Barisan Nasional merupakan satu-satunya pesaka yang mahal yang bernilai yang telah ditinggalkan oleh Allahyarham Tun, apa lagi apabila dikenang kembali pesanan yang berkali-kali disebut oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail bahawa janganlah digunakan demokrasi untuk membunuh demokrasi, maka apa kata kalau kekerasan dan rusuhan telah digunakan untuk membunuh demokrasi. Walau bagaimanapun saya sebagai seorang Wakil Rakyat dan seluruh rakyat yang cintakan keamanan dan damai mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pasukan Keselamatan yang telah menjalankan tugasnya dengan tegas dan memuaskan di saat-saat akhir ini sekalipun sebelum dari itu ketegasan pasukan ini sangat diragukan yang menyebabkan merebaknya rusuhan.

Diharap jangan ada sebarang sekatan atau campurtangan daripada pihak parti politik terhadap kerja dan tugas Pasukan Keselamatan di Kelantan memandangkan negeri itu bersempadan dengan negeri jiran yang selalu dijadikan pengkalan oleh Parti Komunis Malaya serta tarikh pilihanrayapun agak sudah dekat, maka sekiranya akar umbi rusuhan itu tidak dapat dicabut keseluruhannya kerana diganggu dan disekat oleh kuasa-kuasa politik yang berkenaan, maka barang dijauhkan Allah, bukan Kelantan sahaja yang menjadi mangsa tetapi Parti-parti Pembangkang juga akan dapat modal yang besar dan laris untuk dilaburkan ke telinga-telinga rakyat negeri ini dan akan remuklah usaha untuk menstabilkan politik negeri ini untuk menarik pemodal luar, kerana negara kita ini sangat berkehendakkan pekerjaan baharu bagi belia-belua sekalian.

5.27 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya terlebih dahulu

mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita atas membentangkan satu Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1978 dalam Dewan yang mulia ini pada 28hb. Oktober yang lalu.

Saya suka menyatakan bahawa ini adalah satu Budget yang paling baik dan berkesan sekali yang pernah dibentangkan oleh Menteri Kewangan dalam sejarah negara kita. Belanjawan ini telah disambut oleh setiap golongan rakyat dengan sebegitu meriah maka ia tidak membebankan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menegaskan bahawa keadaan ini telah dapat diwujudkan dengan berkat pengetahuan dan pengalaman yang ada pada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang budiman lagi bijaksana. Ini adalah kali yang pertama saya telah dapat peluang berada dalam Dewan ini untuk menyaksikan pembentangan Belanjawan ini kerana pada tahun yang lalu saya telah pergi menghadiri Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan pembentangan Belanjawan ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuktikan bahawa negara kita sedang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang bijaksana maka rakyat tidak akan dibebankan dengan cukai-cukai yang baharu. Pada Belanjawan yang lepas sungguhpun pertumbuhan ekonomi telah dijalankan 9% namun kita telahpun mencapai pertumbuhan sebanyak 8% iaitu satu angka yang menjadi lebih baik daripada yang terdapat di lain-lain negeri dan di negeri-negeri yang sudahpun maju.

Tuan Yang di-Pertua, kelebihan dagangan luar kita sebanyak \$870 juta menjadi satu lagi contoh pentadbiran yang licin di negara kita pada masa sekarang. Dalam bidang antarabangsa sungguhpun keadaan ekonomi kebanyakan negara menjadi kaku, akan tetapi dengan mengikut cara kita sendiri, kita telahpun maju sepertimana yang telah dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata bahawa Belanjawan ini adalah berorientasi pertumbuhan dan mengadakan ekonomi melalui secara fizikal dan kewangan, dan mewujudkan banyak lagi pekerjaan. Saya suka menyatakan bahawa rakyat negara kita telahpun mengharapkan pertumbuhan yang sedemikian rupa menjadi sebagai hadiah kepada mereka yang menjadi warganegara di negara kita yang demokratik. Tuan Yang di-Pertua, sedangkan dunia keseluruhannya dan banyak lagi negara-negara yang sudahpun maju yang merasai sukar untuk popular dari inflasi dan stagflasi ini, kita telahpun dapat mengatasinya secara yang terpuji dan telahpun menstabilkan keadaan kewangan kita. Adalah menggalakkan bila kita dapati bahawa sebanyak \$4,643.6 juta telahpun diperuntukan dalam Belanjawan ini bagi perbelanjaan pembangunan. Juga menggalakkan kita bila kita dapati bahawa 1.5 daripada perbelanjaan pembangunan iaitu \$863 juta diperuntukkan bagi pertanian dan pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan luar bandar adalah menjadi satu perkara yang besar kepada Kerajaan kita, maka rakyat di mana jua pun mereka ditempatkan samada di bandar ataupun di luar bandar akan menikmati peluang dan hak-hak yang sama. Peruntukan Kerajaan bagi pinjaman pertanian dan pembahagian benih yang baik dan juga baja adalah bertujuan untuk memodenkan sektor pertanian agar memperolehi hasil yang lebih lumayan. Saya yakin Kerajaan akan berjaya dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, perikanan menjadi satu lagi faktor yang penting bagi kegunaan rakyat akan tetapi saya kesal menyatakan bahawa dengan semua bantuan dan pertolongan dari Kerajaan harga ikan telahpun melambung tinggi maka harga ikan pada hari ini didapati lebih tinggi daripada harga ayam. Seolah-olah ikan tidak boleh dibeli lagi bagi tujuan makanan oleh rakyat biasa. Saya suka mengesyorkan bahawa satu peruntukan yang

lebih lagi haruslah diadakan untuk Majuikan bertujuan memodenkannya serta memajuannya menjadi satu perbadanan yang boleh menumpukan perhatian ke atas pembekalan bahan makanan laut bagi memenuhi keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Parit dan Taliair telah diberi satu tempat yang penting dalam Belanjawan kita. Dalam hal ini saya suka menyatakan bahawa sungguhpun sebanyak \$500,000 telahpun diperuntukkan bagi sistem parit bagi mengelakkan banjir di Sungai Siput, rancangan ini masih belum dikuatkuasakan lagi. Maka oleh kerana ini dua minggu yang lepas lebih daripada 500 keluarga telah terlibat dalam banjir di situ yang telahpun naik lebih 5 kaki di kebanyakan rumah dengan menghabiskan kerugian sekurang-kurangnya \$50,000 dalam masa 48 jam. Saya suka merayu kepada Kerajaan khususnya Jabatan Parit dan Taliair supaya mempercepatkan rancangan-rancangan mereka sebelum satu lagi banjir menimpa penduduk-penduduk di situ pada musim hujan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun penternakan digalakkan dalam Belanjawan kita, saya suka membawa kepada perhatian Kerajaan perihal kebanyakan pekerja ladang-ladang telah diberi peluang menternak untuk menambahkan pendapatan mereka. Kini telah dihindarkan dari berbuat demikian oleh pihak pentadbiran ladang oleh kerana had-had yang ketat. Penternakan lembu di ladang bukan sahaja menghasilkan lebih banyak lembu-lembu susu malahan juga membantu Kerajaan dalam usaha-usahanya untuk menggalakkan penternakan. Oleh yang demikian, saya suka mengesyorkan bahawa Kerajaan haruslah mengarahkan majikan-majikan ladang menguntukkan tempat-tempat yang khas di ladang-ladang mereka bagi pekerja-pekerja menternak lembu agar boleh menambatkan faedah-faedah ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara FELDA. Rancangan-rancangan FELDA di

seluruh negara telah diadakan untuk memberikan peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak dan juga untuk memperbaiki taraf ekonomi pekerja-pekerja yang berpengalaman dalam sektor pertanian. Saya sungguh tertarik hati atas usaha Kerajaan membuka lebih banyak rancangan-rancangan bagi rakyat akan tetapi dalam pada itu, saya suka juga mengemukakan di Dewan ini masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang ditempatkan di FELDA. Adalah didapati bahawa pembayaran bulanan yang diberikan kepada penghuni-penghuni FELDA adalah terlalu rendah dan mereka menghadapi masalah-masalah ekonomi oleh kerana keluarga mereka terlalu besar. Saya suka mengesyorkan bahawa sudah sampailah masanya maka Kerajaan harus mengkaji serta menghidupkan elaun-elaun yang diberikan kepada penghuni-penghuni FELDA, oleh kerana masalah-masalah ekonomi dan sosial ini setengah penghuni-penghuni FELDA secara haram telah menjual susu getah kepada orang-orang luar. Jikalau sekiranya tidak dicari jalan mengatasi masalah penghuni-penghuni FELDA lama-kelamaan kita akan berasa sukar bagi mencapai tujuan-tujuan yang diharapkan dalam penempatan rancangan-rancangan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni India di FELDA, rakyat Malaysia keturunan India yang telah mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan FELDA juga menghadapi masalah-masalah sosial ketika seseorang ditempatkan dalam rancangan FELDA yang berasingan. Pengasingan ini di antara setengah yang mendapat tempat di rancangan-rancangan FELDA telah tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti mempelajari bahasa ibunda mereka, bersembahyang dan menjalankan kegiatan-kegiatan ugama mereka. Ini ialah kerana mereka harus hidup berasingan, maka oleh yang demikian saya minta Kerajaan ketika menempatkan mereka haruslah mereka diberikan tempat-tempat yang berdekatan bagi mengatasi masalah-masalah sosial mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara FELCRA, sungguhpun FELCRA telahpun melaburkan berjuta-juta ringgit untuk menggalakkan penyertaan pemuda dalam rancangan-rancangan tanah, masih terdapat banyak masalah khususnya dalam kawasan saya di Perlop, Sungai Siput di mana saya telah berhubung di antara pihak berkuasa pertanian negeri dan pemuda-pemuda telah terputus. Pemuda-pemuda sedang menghadapi masalah-masalah ekonomi oleh kerana elaun-elaun yang mereka terima adalah terlalu rendah. Saya suka mengesyorkan bahawa tindakan haruslah diambil untuk menyelesaikan perselisihan faham dan satu keadaan di mana beribu-ribu ekar tanah yang masih belum dikerjakan dan ini membawa kerugian kepada Kerajaan dan juga pemuda-pemuda sendiri.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sudahlah sampai masanya Kerajaan menyasial masalah ini dan cuba mengadakan satu hubungan di antara Jabatan Pertanian dan pemuda-pemuda di kawasan saya. Saya gembira kerana banyak lagi rancangan-rancangan diadakan bagi pemuda. Saya suka mencadangkan beribu-ribu pemuda di ladang-ladang masih menganggur dan tidak mempunyai kemudahan pelajaran yang baik dan lengkap atau menghadapi masalah-masalah sosial dan ekonomi di tempat mereka. Saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya pemuda-pemuda ini haruslah ditempatkan di rancangan-rancangan pemuda FELCRA.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga mencadangkan bahawa rakyat Malaysia keturunan India menjadi sebahagian yang besar daripada pekerja-pekerja ladang. Bagi memperbaiki keadaan sosio dan ekonomi mereka Rancangan Malaysia Ketiga itu mencadangkan memindahkan mereka secara besar-besaran dari sektor mereka sekarang kepada satu sektor pengetahuan khususnya di sektor pembuatan. Sungguhpun Rancangan Malay-

sia Ketiga ini telahpun dikuatkuasakan lebih setahun dahulu lagi, tidak terdapat bukti-bukti yang jelas akan perkara ini. Saya suka mencadangkan supaya Kerajaan menimbang mengadakan satu latihan yang sistematik bagi pekerja-pekerja ini untuk menolong mereka dimasukkan dalam sektor pembuatan.

Peratus pekerjaan bagi bumiputra serta rakyat Malaysia keturunan India adalah terlalu kurang. Jika sekiranya Kerajaan tidak menimbang atau mengadakan langkah-langkah yang sesuai, saya berasa mereka akan mundur ke belakang lagi. Jika kita kaji pembangunan industri sekarang di negara kita sudah pasti kita mendapat tahu bahawa kebanyakan industri-industri ini ditempatkan di kawasan-kawasan bandar sahaja. Saya tidak dapat mengatakan bahawa keutamaan sedang diberi bagi menempatkan industri-industri ini di tempat-tempat di luar bandar. Saya suka mengingatkan Kerajaan supaya kegiatan-kegiatan seperti ini akan memaksa penduduk-penduduk di luar bandar keluar dari tempat mereka dan masuk ke bandar. Ini akan membawa akibat yang buruk di mana tidak akan terdapat lagi penduduk di luar bandar dan mungkin tidak akan ada lagi pekerja-pekerja pertanian bagi pengeluaran hasil-hasil pertanian kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara perumahan, Rancangan Malaysia Ketiga bertujuan mencapai target mengadakan sebanyak 62,000 buah rumah dalam jangkamasanya. Sungguhpun saya memuji Kerajaan kerana tujuan-tujuan yang baik iaitu mengadakan house-owning democracy ini, akan tetapi saya masih berasa bahawa kita masih belum berjalan menuju ke arah yang ditunjukkan mengikut kepantasan yang telah dijangkakan khususnya dalam mewujudkan rumah-rumah oleh pihak swasta. Kerajaan Pusat haruslah menggalakkan Kerajaan Negeri mengadakan usaha bersama dengan pihak swasta dan mengadakan had-had harga rumah-rumah. Jika sekiranya ini tidak dapat dibuat, saya tidak dapat mengatakan bahawa kita boleh mencapai target-target ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai jurubina adalah menjadi tafsiran saya bahawa tanah dan infrastrukturnya yang menjadi faktor yang terbesar dalam menambahkan harga rumah. Jika sekiranya Kerajaan dapat memberikan subsidi dengan memberikan tanah-tanah yang murah dan infrastruktur, kita boleh mencapai lebih daripada target yang kita telah menjangkakan serta menghadkan harga-harga rumah. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, setengah Kerajaan-kerajaan Negeri sedang menjalankan perusahaan-perusahaan yang bersama dan ini haruslah digalakkan. Kerajaan juga haruslah mengadakan satu bahagian yang khas bagi menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, syor-syor kumpulan petugas menggalakkan pembinaan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja ladang. Di kebanyakan tempat adalah menjadi sukar menguatkuasakan syor-syor ini kerana undang-undang Kerajaan Negeri dan juga oleh kerana kelambatan yang berlaku dalam pemecahan tanah dan hal-hal yang lain lagi. Dalam hal ini saya suka melahirkan penghargaan saya atas usaha-usaha Kerajaan Negeri Perak yang telah menubuhkan satu Kumpulan Petugas bagi perumahan yang saya dapati berjalan dengan amat berkesan sekali dan meluluskan semua permohonan dalam satu jangkamasa 3 bulan. Jika sekiranya Kumpulan Petugas seperti ini dapat ditubuhkan di lain-lain negeri, saya rasa kita boleh mengatasi banyak kelambatan yang kita hadapi di beberapa Pejabat Tanah di Semenanjung Malaysia.

Dalam pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, adalah menggalakkan bahawa Belanjawan menguntukkan lebih wang bagi memperbaiki sekolah-sekolah di luar bandar yang menjadi tulang belakang sekolah-sekolah di negeri kita. Saya rasa tidaklah berfaedah kalau sekiranya kita cuma memperuntukkan wang untuk membina sekolah tetapi tidak mengimplimentasikannya. Saya sedar ada setengah-setengah sekolah yang telahpun berjaya mendapatkan peruntukan bertahun-

tahun dahulu tetapi masih belum memperolehinya untuk membina bangunan-bangunan sekolah. Misalnya, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Jalan San Peng, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Semenyih dan lain-lain dan banyak sekolah lagi yang masih menunggu peruntukan disampaikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga juga menitikberatkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia keturunan India di sektor tertiary akan tetapi adalah menyedihkan hati bahawa penerimaan bagi kaum ini di pusat-pusat pengajian tinggi di Universiti-universiti Malaysia adalah tidak memuaskan. Ini bermakna lama-kelamaan tidak akan terdapat pemuda-pemuda keturunan India menerima pendidikan tertiary bagi mengisikan kekosongan kerja yang dicadangkan oleh Rancangan Malaysia Ketiga. Saya suka meminta Kerajaan supaya bermurah hati dan menimbangkan perkara ini dengan teliti dan juga memberikan peluang bagi bekerja di sektor tertiary.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan kebangsaan mengambil tempat yang paling tinggi dalam peruntukan Belanjawan kita iaitu tempat yang kedua. Ini adalah satu tanda yang sihat bagi menjaga keselamatan negara kita. Saya suka menyatakan bahawa sedang kita memodenkan tentera kita dan alat-alat kelengkapan yang baru, kita juga harus menimbang memberikan gaji yang memuaskan hati bagi pegawai-pegawai tentera kita. Adalah menjadi pendapat kita bahawa pihak tentera-tentera di negeri Barat menerima kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan ini haruslah diadakan bagi askar dan polis kita yang telahpun sudi mengorbankan nyawa mereka bagi kepentingan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara cukai pendapatan, izinkanlah saya bercakap sedikit tentang cukai pendapatan. Sungguhpun satu syarat manipulasi sedang dijalankan dalam hal cukai pendapatan namun tidak diadakan apa-apa langkah bagi mengurangkan penge-

cualian cukai iaitu income tax relief. Adalah menjadi sesuai dan wajar sekali jika sekiranya perhatian diberikan bagi menambahkan pengecualian cukai yang tidak pernah diubah sejak lama dahulu. Harga barang-barang telahpun naik melambung. Ini bermakna nilai wang sudahpun turun sama sekali, akan tetapi pengecualian iaitu tax relief tetap belum diubah dengan memberi pengecualian yang lebih dari yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, rakyat telah menjangka Belanjawan akan membebaskan mereka tetapi dengan berkata pandangan yang jauh, kebolehan dan pengalaman Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun membuktikan bahawa Kerajaan adalah berhati-hati dalam membangunkan negara kita bagi kepentingan rakyat tanpa membebaskan mereka.

5.50 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan cadangan Belanjawan Persekutuan 1978 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan dengan ini saya mengalu-alukan dan menyokongnya. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau dan pegawai-pegawainya kerana sebelum rancangan belanjawan itu disediakan oleh mereka, saya dapati usaha telah dibuat untuk berunding dengan pihak-pihak swasta, badan-badan yang berkenaan seperti Dewan-dewan Perniagaan dan lain-lain.

Sungguhpun pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh badan-badan ini tidak 100% diterima tetapi memadailah pada setakat ini dapat dibuat oleh Kementerian Kewangan sebagai satu ukuran untuk mengadakan cadangan Belanjawan Persekutuan 1978. Hasilnya sebagaimana kita tahu adalah satu belanjawan yang boleh diterima yang mendatangkan kebaikan bukan sahaja kepada negara tetapi kepada rakyat kesemuanya.

Tuan Yang di-Pertua, memandang sepintas lalu cadangan belanjawan yang saya maksudkan itu memang bertambah lebihkurang \$1,469.9 juta daripada peruntukan pada tahun 1977. Ini sebagaimana telah diterangkan adalah kerana untuk memenuhi keperluan sosial (social needs) yang dari setahun ke setahun bertambah dikehendakki oleh rakyat. Selain daripada itu, sejumlah besar daripada peruntukan ini diperlukan oleh kita untuk pertahanan negara. Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan perbelanjaan untuk Kementerian Pertahanan pada tahun 1978 berjumlah \$1,171.4 juta, iaitu lebih \$260 juta daripada tahun 1977. Kepada kita yang hendak melihat Malaysia terselamat daripada bahaya ancaman komunis memang kita tidak menentang peruntukan yang dicadangkan ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu. Apa yang dikehendaki oleh kita, ialah agar wang yang dibelanja itu hendaklah menurut cara-cara tertentu. Adalah juga wajar diperingkatkan di sini bahawa wang sekian banyak akan menjadi sia-sia jika dasar dan cara-cara kita menentang dan kita memberi layanan kepada komunis tidak dengan ketegasan, tidak berhabisan, tidak 100% bersungguh-sungguh. Balasan-balasan kepada ahli-ahli komunis yang ada di dalam, ataupun di luar hutan, tidak setimpal dengan dosa mereka kepada negara dan rakyat Malaysia.

Kita soal di sini, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan benar-benar 100% menentang komunis yang mengancam negara kita, yang membinasakan harta-harta kita, yang membunuh dan mencederakan rakyat Malaysia iaitu bapa, adik-beradik, abang, anak, saudaramara dan rakan-rakan kita? Jika benar 100% kita bersungguh-sungguh menumpukan usaha dan tenaga menghapuskan komunis, mengapa mereka yang ditawan, saya ulangi di sini, yang ditawan bukan yang menyerah diri, diberi pengampunan dan diberi layanan istimewa? Alasan-alasan Kerajaan apabila teguran ini dibuat biasanya ialah kononnya untuk mempengaruhi ahli-ahli komunis yang ditawan ini supaya dapat mereka ini setia semula kepada negara, kepada raja dan kepada bangsa. Ada

juga yang menyatakan bahawa mereka ini sekali lagi diberi peluang pulang ke pangkuan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, berpuluh tahun kita telah beri mereka ini peluang untuk pulang kepada masyarakat. Tidakkah ini memadai? Bolehkah taat setia kepada negara, bangsa dan ugama dibeli dengan wang ringgit?

Telah dibuktikan baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, di mana seorang kominis yang ditawan oleh pasukan keselamatan kita pada suatu masa yang lampau dan diampun, telah pulang balik ke hutan bercampur balik dengan comradesnya dan di dalam satu pertempuran di Tanjong Malim, kominis ini telah dibunuh oleh pasukan keselamatan kita. Ini satu contoh bahawa macam manapun anjing kalau sudah biasa makan najis, kalau tidak pun dimakan diciumnya. Jadi mengapa kepada orang-orang yang ditawan ini kita ampunkan balik. Saya menyatakan bahawa pihak yang berkenaan tidak 100% bersungguh-sungguh menghapuskan musuh kita iaitu kominis-kominis.

Saya suka menyatakan di sini bahawa sikap Kerajaan yang sangat bertolak ansur dengan anggota kominis itu akan membawa kepada beberapa akibat.

Pertama, menggalakkan lagi calon-calon kominis dan bakal-bakal kominis untuk masuk ke hutan atau membuat kerja-kerja subversif menentang Kerajaan, kerana mereka tahu, kalau mereka menyerah diri, maka mereka akan diampun dan dilindungi.

Kedua, kemungkinan kominis yang menyerah diri itu adalah orang-orang yang diseludup oleh kominis untuk membuat kerja-kerja subversif dan memberi information dan sebagainya kepada comradesnya.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, dan yang mustahak, adalah merendahkan moral anggota-anggota pasukan keselamatan kita, kerana mereka ini sudah bersusah-payah ber-

khidmat tidak kira kepada sejuk, hujan dan panas untuk membuat kerja menangkap kominis dan berjuang dengan kominis-kominis dan ada rakan-rakan mereka yang telah terbunuh di hadapan mata mereka sendiri. Tetapi apabila kominis ini ditawan maka mereka ini diampunkan. Maka keadaan seperti ini boleh jadi moral mereka ini jadi kurang dan kelak tidak pula bersungguh-sungguh untuk bekerja menghapuskan kominis.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan ada cara-cara menapis ataupun screen semua kominis-kominis yang menyerah diri ataupun yang telah ditawan tetapi past performance atau perbuatan pada masa-masa yang lampau membuktikan bahawa macam manapun ada penapisan yang begitu teliti kominis dapat menyerap di akhbar-akhbar kita, di kalangan sastra, kebudayaan, badan-badan penulis dan sebagainya. Dan hingga kepada Jabatan Perdana Menteri pun; sungguhpun ada screen ataupun penapisan dibuat, maka screennya tidak setebal itu dapat mengecualikan daripada ditembusi oleh kominis.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka berkata bahawa jutaan ringgit, saya ulangi lagi, jutaan ringgit yang kita peruntukkan tidak berkesan tanpa usaha dan ketegasan 100% bersungguh-sungguh menentang kominis. Peperangan dengan kominis ini adalah peperangan menentukan hidup atau matinya kita, keturunan kita, jenerasi kita yang akan datang. Dari itu mereka yang ditawan hendaklah diberikan balasan yang sewajarnya. Tidak boleh diampunkan sekali-kali. Saya suka bertanya kepada bapak-bapak Menteri apakah nasib mereka jika kominis ini berjaya merampas negara ini? Apa yang telah berlaku kepada beberapa negara jiran tetangga kita yang telah ditawan oleh kominis, insyallah, akan berlaku di Malaysia, bapak-bapak Menteri kita akan terlebih dahulu....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak hadapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Semuanya termasuk Ahli-ahli Parlimen.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bapak Menteri tidak termasuk Menteri Kebajikan Am.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Oh! itu ibu Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Raja Nasron bin Raja Ishak:bapak-bapak Menteri ini akan terlebih dahulu digantung, ini termasuklah Yang Berhormat Menteri Undang-undang walaupun undang-undang beliau banyak menyelamatkan kominis, sesudah itu Ahli-ahli Parlimen digantung, dibunuh dan kemudiannya semua orang-orang yang bersikap anti-kominis. Kita tidak akan menerima pengampunan daripada kominis jika mereka menawan negara ini. Dari itu mengapa pula kita hendak bertolakansur dan mengampunkan mereka; sebagaimana saya katakan tadi peperangan dengan kominis adalah peperangan untuk menentukan hidup-matinya kita.

Saya berpendapat bahawa Kementerian Pertahanan adalah satu-satunya Kementerian yang sangat-sangat penting. Pada masa ini jawatan Menteri penuhnya sudah lama kosong, saya cadangkan jawatan ini dipenuhkan serta-merta, iaitu menurut satu daripada cara yang saya suka syorkan di sini, pertama dinaikkan pangkat Timbalan Menteri yang ada sekarang kepada Menteri penuh, ataupun dilantik Ahli Yang Berhormat dari Marudu untuk menjadi Menteri Pertahanan. Sayugia diingat bahawa pada satu masa dahulu Ahli Yang Berhormat dari Marudu itu ditawarkan jawatan Menteri Pertahanan tetapi kerana beliau....

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor!

Raja Nasron bin Raja Ishak: Kuala Selangor terlampau kecil. Beliau mementingkan lagi perkhidmatannya di negeri Sabah maka tidak dapat jawatan Menteri Pertahanan itu diterima oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kementerian Pertahanan, Kementerian Pelajaran telah diberi peruntukan yang utama dengan peruntukan yang besar iaitu \$1,450.7 juta, ini membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia mementingkan pendidikan atau pelajaran warganegaranya di masa hadapan. Rakyat yang illiterate di sesebuah negara adalah golongan yang dianggap first class public menace, jika negara kita tidak mempunyai cerdik pandai maka senang dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat dan diperhambakan oleh musuh-musuh negara. Pada masa dahulu untuk belajar di peringkat tinggi, iaitu di peringkat universiti adalah orang-orang yang kaya (the privileged classes) sahaja yang mempunyai kemampuan. Murid-murid luar bandar yang mempunyai bakat dan kelulusan peperiksaan yang baik tidak dapat meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi kerana kekurangan serba-serbi. Dari itu, saya berpendapat bahawa memang wajar bagi Kerajaan memberi layanan yang lebih kepada murid-murid luar bandar terutama bumiputra. Sungguhpun ada terdengar tuduhan-tuduhan yang sumbang yang mengatakan bahawa Kerajaan lebih mengutamakan dan memberi biasiswa dan sebagainya kepada murid-murid bumiputra, tetapi saya suka mengingatkan Kerajaan jika angka di universiti-universiti tempatan menunjukkan jumlah dan bilangan banyak bumiputra yang belajar, tetapi kalaulah pihak Kerajaan berusaha untuk mengambil angka-angka pelajar-pelajar di universiti-universiti seberang laut boleh dibuktikan kepada orang yang membawa kritik-kritik ini bahawa bilangan bumiputra belajar di peringkat-peringkat universiti sebenarnya adalah kurang daripada penuntut-penuntut yang bukan bumiputra. Dengan sebab itu hendaklah Kerajaan meneruskan usahanya untuk memberi bantuan kepada penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar dari luar bandar terutamanya daripada golongan bumiputra.

Saya juga suka mengingatkan Kementerian Pelajaran agar jangan meringankan latihan tatatertib negara sebagai satu matapelajaran di sekolah-sekolah. Mendidik pelajar-pelajar untuk mencintai bendera kebangsaan, mencintai dan menghargai lagu kebangsaan, mengamalkan semangat muhibbah dan perpaduan, bersopan-santun kepada peringkat-peringkat tua adalah ajaran-ajaran yang penting yang wajar diambil perhatian oleh pendidik-pendidik. Dari itu, Kementerian Pelajaran eloklah mengkaji kekurangan di dalam bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di negara ini didapati kebanyakan murid-murid yang gagal peperiksaan SRP atau LCE berhenti sekolah iaitu masih dalam lingkungan umur 15 atau 16 tahun. Di dalam lingkungan ini memanglah boleh diakui peringkat umur di mana senang sahaja belia-belia ini dipengaruhi oleh ajaran-ajaran jahat. Dari itu, kalau dibuat satu bancian boleh dilihat bahawa kebanyakan daripada penagih-penagih dadah, kebanyakan daripada pick-pocket dan sebagainya, mencuri ayam, adalah daripada golongan belia-belia lingkungan umur 15 atau 16 tahun dan drop-outs from the school. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di sini supaya Kementerian Pelajaran dapat membuat satu undang-undang compulsory education sehingga umur 18 tahun. Dengan ini dapatlah murid-murid kita yang telah gagal di dalam LCE meneruskan pelajaran di jurusan-jurusan yang lain, jurusan ukir-mengukir, pertukangan dan sebagainya sehingga umur 18 tahun. Sungguhpun sekarang ini memang ada bidang-bidang yang saya sebutkan tadi tetapi tidak ada satu syarat dimestikan (compulsory) budak-budak yang gagal daripada LCE ini meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah vokesyenal.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menyentuh berkenaan dengan Jabatan Kerjaya terutamanya berkenaan jalanraya di negara kita. Kedapatan pada masa ini adanya jalan-jalanraya kalau kita memandu sesebuah kereta keadaannya yang baik, kalau kita bawa

kereta dengan rata tetapi sesudah kita masuk pula pada satu persimpangan, serta-merta ada lekak-lekuk, jalan itu menjadi bumpy dan sebagainya dan apabila kita bertanya maka kita diberitahu bahawa jalan yang rata itu adalah tanggungjawab (responsibility) Kerajaan Pusat dan jalan yang lekak-lekuk (bumpy) itu adalah jalan tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya suka tekankan di sini ialah jika diteruskan juga cara-cara di mana ada tanggungjawab itu diserahkan separuh kepada Negeri, dan separuh diserahkan pula kepada Kerajaan Pusat, maka begitulah kita dapati jalan-jalan itu tidak dijaga dengan baik kerana ada apabila masuk, katalah Jalan XYZ, Batu 20, ini Kerajaan Negeri punya, masuk Batu 20½ pula Kerajaan Pusat punya, jadi jurutera-jurutera yang bertanggungjawab mereka buat kerja hingga setakat Batu 20 sahaja. Batu 20 1 inci lebih mereka tak hendak baiki, lekak-lekuklah jalan itu. Jadi saya cadangkan di sini supaya tanggungjawab jalan itu dicentralisekan, diberi kepada Kerajaan Pusat dan dengan ini dapat kita mengawal cara-cara yang lebih baik, mengawal jalan kita, tidak ada sebagaimana keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah besar daripada wang negara yang dikehendakki dalam peruntukan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan akan digunakan untuk membeli barang-barang. Pembelian terbesar di negara kita ini adalah Kerajaan. Barang-barang keperluan Kerajaan adalah daripada sekecil-kecil jarum peniti sehingga kepada jentera-jentera yang besar, kapal laut, kapal terbang, helikopter, kepala keretapi dan sebagainya. Pada masa ini membeli dan memesan keperluan-keperluan Kerajaan adalah ditangan jabatan-jabatan yang berkenaan. Saya cadangkan di sini supaya Kerajaan mengkaji dan menukar cara lama ini kepada cara baru, iaitu centralised purchasing. Saya berpendapat, melalui satu agensi Kerajaan atau satu bahagian daripada Kementerian Kewangan, kebanyakan, jika tidak pun kesemuanya, barang-barang yang diperlukan

oleh Kerajaan boleh dipesan dan dibekalkan. Centralised purchasing membolehkan kita membuat pembelian yang banyak dan memanglah adatnya kalau kita beli banyak maka dapat harga yang murah. Selain daripada harga murah, mutu pun boleh kita kawal dan dapat kita standardisekan, iaitu mendapat persamaan. Sungguhpun ada yang tidak memandang perkara ini penting, tetapi saya percaya jutaan ringgit daripada peruntukan yang kita akan beri kepada jabatan-jabatan Kerajaan akan dapat diselamatkan menerusi cara pembelian centralised yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berkenaan dengan peruntukan untuk badan-badan berkanun. Peruntukan bagi badan-badan berkanun hendaklah diawasi dengan lebih rapi. Ada pengerusi-pengerusi badan-badan berkanun apabila ditanya mereka mengatakan bahawa: Oh! saya telah diberi kuasa oleh si anu dan si anu untuk menjalankan badan ini, seumpama satu blank cheque untuk saya sign sahaja dan taruh sahaja apa figurenya. Pendekata pengerusi-pengerusi badan-badan ini mengakui mereka telah diberi kuasa sepenuhnya membuat apa suka sahaja. Mereka ini lupa bahawa badan-badan berkanun, agensi-agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan adalah wang rakyat untuk digunakan bagi faedah rakyat. Dari itu saya mengingatkan kepada pihak-pihak yang berkenaan agar mengawasi lebih rapi lagi cara-cara wang agensi-agensi dan badan-badan berkanun ini digunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Begitu juga ada perusahaan-perusahaan di mana syer ekuiti Kerajaan lebih daripada 60% ditanam di dalam perusahaan-perusahaan itu. Perusahaan perkapalan misalnya, katalah Malaysia International Shipping Co-operation. Di sini didapati ada satu lapuran pada saya, yang akan saya mengambil peluang kelak di dalam menyampaikan butir-butir pada satu masa yang akan datang, bukti-bukti nepotism yang telah dilakukan, iaitu adik-beradik, ipar-duai yang bekerja di dalam MISC, dengan

nama-namanya; sungguhpun tadi ada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dibenarkan untuk membaca detail-detail tetapi tidak mengapalah saya tidak hendak membaca detailnya sekarang. Insyallah, saya akan baca pada satu masa yang akan datang tetapi daripada bukti-bukti yang ada pada saya didapati bahawa perbadanan yang saya katakan ini, sungguhpun 60% daripada syer ekuitinya dipunyai oleh Kerajaan, tetapi telah dibiarkan tanpa kawalan oleh pihak-pihak yang tertentu membuat apa sukanya, terutamanya pejabat-pejabat MISC di seberang laut. Di Holland misalnya di mana Pengurus Besar daripada cawangan ini bukan dia membuat kerja untuk kebaikan MISC tetapi membuat pula satu syarikat untuk dia sendiri. Sebagaimana saya katakan tadi butir-butirnya akan saya sebutkan tetapi memadamkan saya menekankan di sini bahawa Kerajaan hendaklah mengawal badan-badan ini daripada membuat kerja-kerja nepotism, daripada mismanagement, daripada cara-cara pentadbiran yang bertentangan dengan dasar ekonomi negara kita.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, baik apa pun jumlah jutaan ringgit yang akan kita luluskan untuk dibelanjakan oleh jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian, tanpa penyelarasan yang baik, wang ini juga tidak akan dapat sepenuhnya pergi kepada faedah rakyat. Yang penting sekali untuk menjamin kejayaan rancangan-rancangan tersebut adalah "the magic words" penyelarasan. Pada masa-masa yang lampau banyak kedapatan penyelarasan tidak berjalan dengan rancak dan memuaskan. Kelambatan kerja-kerja menyelaraskan sesuatu rancangan adalah kerana sistem yang kita ikuti sekarang terpaksa menunggu dari satu babak kepada satu babak ataupun daripada satu chapter kepada satu chapter yang lain, daripada satu bab kepada satu bab yang lain. Jika babak yang pertama ini tidak habis, tidak dapat dibereskan, tidak dapat disempurnakan maka babak yang kedua dan ketiga, keempat dan seterusnya terpaksa tidak dapat dijalankan. Boleh kita lihat sendiri beberapa contohnya di

rancangan-rancangan perumahan misalnya, rancangan-rancangan rumah murah di mana kerana sebatang pokok kelapa tidak dapat kebenaran untuk ditebang, maka kerja-kerja yang lain tergendala.

Saya berpendapat, pihak Kerajaan hendaklah menukarkan cara ini dan cari jalan agar dapat kerja-kerja dilaksanakan secara serentak tanpa menunggu dari satu babak ke satu babak sebagaimana sekarang. Rancangan per-ekonomian sahaja tanpa rancangan pentadbiran tidak akan dapat membawa hasil yang memuaskan. Dari itu rancangan pentadbiran sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru hendaklah diatur. Pegawai-pegawai yang bertugas hendaklah diubah sikap mereka menjalan dan melaksanakan rancangan-rancangan dengan menggunakan "top-gear". Banyak telah berlaku perselisihan faham di antara Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat dengan Pegawai-pegawai Kerajaan terutama di peringkat daerah. Wakil-wakil Rakyat hendak penyelarasan dibuat dengan segera, tetapi Pegawai-pegawai Kerajaan; bukan pula kerana salah mereka, tetapi kerana tangan mereka terikat dengan beberapa General Orders, Financial General Orders, peraturan itu dan peraturan ini, hingga tidak dapat berjalan sebagaimana saya katakan dengan top-gear. Jadi kalaulah top-gear dengan "low gear", tentulah berlaga dan timbullah perselisihan faham. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang penting supaya dapat pihak yang berkenaan mengambil berat dan membuat satu rancangan pentadbiran sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru kita.

Saya mengalu-alukan jaminan Kerajaan akan mengingatkan bank-bank, syarikat-syarikat finance dan lain-lain untuk mengutamakan sektor-sektor seperti kaum bumiputra, perkilangan, perusahaan dan sebagainya, masa memberi pinjaman, masa memberi kemudahan-kemudahan dan ada disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa qota-qota akan ditentukan supaya bank-bank dan institusi-institusi pinjaman ini dapat memenuhi qota-qota tersebut. Tuan

Yang di-Pertua, di sini juga saya suka mengingatkan bahawa walau bagaimanapun diadakan qota-qota, walau bagaimanapun diingatkan badan-badan yang saya sebutkan tadi, iaitu bank-bank dan institusi-institusi pinjaman, tetapi jika tidak ada kita mengawasi benar-benar apa yang dikehendaki oleh Kerajaan itu dijalankan menurut apa yang telah berlaku pada satu masa yang lampau iaitu Rancangan CGC (Credit Guarantee Corporation) sungguhpun sudah ditentukan pinjaman hendaklah diberi dan setakat jumlah yang ditentukan tanpa guarantee tetapi masih juga bank-bank memerlukan guarantee. Dengan sebab itu, saya meminta supaya dapat Kementerian Kewangan bersikap tegas ke atas bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan jika didapati mereka ini tidak menjalankan dasar-dasar pinjaman sejajar dengan apa yang dikehendaki dan dihasratkan oleh Kerajaan.

Dalam tahun 1970 di dalam syarikat-syarikat berhad (limited company), bumiputra memiliki 1.8% share equity. Angka ini bertambah ke 2.3% pada tahun 1975. Saya membawa angka-angka peratus ini kerana jika growth of ownership hanya sebagaimana yang saya katakan tadi, bagaimana hendak kita mencapai angka 30% pada tahun 1990. Sungguhpun tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada mengatakan bahawa Kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional ini adalah satu Kerajaan yang hanya hendak mencipta segolongan kecil orang Melayu ataupun bumiputra untuk menjadi jutawan; juga apa yang dikatakan oleh beliau bahawa orang-orang Melayu miskin menjadi lebih miskin; dan ada juga beliau mengatakan bahawa kita bukan hendak memberi ketutamaan kepada bumiputra tetapi UMNO-PUTRA. Saya suka mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa seseorang itu barangkali boleh dianggap buta, jika kita boleh menafikan yang orang Melayu di kampung, orang yang tidak berada pada tahun lima puluhan dahulu, keadaannya masih begitu juga pada tahun tujuh puluhan ini. Saya berasal dari kampung; kalau pada satu masa dahulu saya menggunakan satu basikal buruk

maka sekarang ini saya sudah mempunyai Morris Minor buruk, maknanya nasib saya telah berubah. Begitu juga kalau satu masa dahulu pendapatan orang kampung hanya dalam \$2 — \$3 satu hari, pada masa ini ada pernah disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini pendapatan mereka lebih daripada \$350 sebulan. Tetapi apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu barangkali dia hendak melihat semuanya orang-orang luar bandar khususnya bumiputra menjadi jutawan. Kalau begitupun bagus, tetapi memanglah adat hidup di dunia mustahil kita boleh mencipta satu masyarakat di mana semuanya rakyat boleh menjadi jutawan. Tetapi kalau kita hendak mencipta masyarakat, sebagaimana yang saya katakan tadi, supaya masing-masing naik prekonomiannya sama rata, bolehlah kita pergi ke People's Republic of China, di mana 800 juta rakyatnya dicuba oleh Kerajaan negara tersebut untuk sama-sama naik dan bolehlah nanti, insyallah, kalau negara kita Malaysia ini ditakluki oleh kominis bolehlah Kerajaan yang memerintah Malaysia, buatlah 12 juta rakyat negeri ini sama-sama naik. Tetapi selagi Barisan Nasional memerintah sebagai

Kerajaan sekarang ini mempunyai cara-cara untuk menaikkan taraf perekonomian rakyatnya maka kita berpendapatan, cara sekaranglah cara yang baik. Alangkan pokok di hutan ada yang tinggi, ada yang rendah, ada yang gemuk ada yang kurus, inikan pula keadaan masyarakat.

Berbalik saya kepada apa yang dikatakan, apa yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu meminta supaya badan-badan dan institusi-institusi kewangan ini meminjam dan memenuhi qota-qota itu. Sekarang saya tanya pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan; cara manakah kita hendak menjadi seorang pemodal tanpa modal? Dari itu amatlah penting....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Rabu, 2hb November, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.